

DOKUMENTASI SEJARAH LISAN
WAWANCARA BERSAMA
PROFESSOR MADYA NORHAIYATI BINTI ABDUL MUIN
PENSYARAH AKADEMI BAHASA
1988-2013



FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
18500 MACHANG, KELANTAN

OLEH :
MOHD SHASRUL EZAINI BIN MUHAMAD
MUHAMMAD HANIFF AFIFI BIN MOHD NASIR

TUGASAN KUMPULAN :
“Dokumentasi Sejarah Lisan”

Disediakan oleh:

MOHD SHASRUL EZAINI BIN MUHAMAD

(2011209894)

MUHAMMAD HANIFF AFIFI BIN MOHD NASIR

(2011809592)

(D11M225 5A)

Fakulti Pengurusan Maklumat

Universiti Teknologi Mara

18500 Machang, Kelantan.

23 DISEMBER 2013

PENGHARGAAN

Assalamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh. Alhamdulillah, terlebih dahulu kami panjatkan rasa penuh kesyukuran kepada Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya kami akhirnya dapat menyiapkan Projek Sejarah Lisan ini dengan jayanya. Kami tidak dapat menafikan bahawa pelbagai kekangan yang terpaksa kami hadapi sebelum dan selepas selesai sesi temubual bersama tokoh, namun dengan berkat kesabaran dan pertolongan-Nya, kami dapat mengatasi masalah yang berlaku.

Kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah kami untuk subjek IMR604 – Oral Documentation (Pendokumentasian Lisan), Puan Kamariah Binti Chik yang telah mencurahkan segala ilmu yang beliau miliki kepada kami dan memberi kami segala tunjuk ajar untuk menyiapkan projek ini.

Professor Madya Norhaiyati Binti Abdul Muin, tokoh yang kami hormati dan setinggi-tinggi terima kasih kami ucapkan kerana kerjasama, perkongsian ilmu serta pengalaman yang sangat bermakna yang diberikan kepada kami.

Akhir sekali kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa serta rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberikan tunjuk ajar dan dorongan sepanjang proses menghasilkan projek transkrip temubual ini.

Sekian terima kasih.

ISI KANDUNGAN

Penghargaan	i
Isi kandungan	ii
Abstrak	iii
Biodata tokoh	iv
Transkrip Wawancara	1 - 126
Senarai soalan	127-133
Log Wawancara	134-139
Indeks	140
Rujukan	141
Lampiran	142-143

ABSTRAK

Abstrak : Transkrip ini mengandungi temubual bersama Professor Madya Norhaiyati Binti Abdul Muin mengenai kerjaya beliau dalam bidang pengsyarahan. Transkrip temubual ini dijalankan di dalam bilik beliau di tingkat dua (2) Pejabat Hal Ehwal Akademik Universiti Teknologi Mara Machang, Kelantan pada 08 Disember 2013 bermula jam 12.15 tengah hari. Beliau merupakan salah seorang pensyarah Bahasa di dalam Universiti Teknologi Mara Machang, Kelantan. Beliau telah menceburkan diri dalam bidang pengsyarahan ini bermula dari tahun 1988 lagi sehingga ke hari ini bermula daripada pensyarah TESL kepada Pensyarah Bahasa. Transkrip ini sedikit sebanyak menyentuh kepada latar belakang serta pengalaman beliau sepanjang penglibatan dalam bidang Pengsyarahan. Selain daripada itu transkrip ini turut memperkatakan mengenai pendapat dan pandangan beliau mengenai isu-isu semasa dan terkini mengenai Bahasa Inggeris serta penggunaannya.

Kata Kunci : Professor Madya Norhaiyati Abdul Muin, pensyarah, Universiti Teknologi Mara, Machang Kelantan, TESL.

BIODATA DAN PROFIL PERIBADI TOKOH



1	Nama Penuh	:	Professor Madya Norhaiyati Binti Abdul Muin
2	Alamat surat-menyerurat	:	Mukim Bukit Raya, Kedah
3	Tarikh Lahir	:	18 Jun 1964
4	Jantina	:	Perempuan
5	Bangsa	:	Melayu
6	Pendidikan (Rendah, Menengah, Tinggi)	:	Sekolah Kebangsaan Bukit Raya Luar, Kedah. Sekolah Haji Abdul Rahman Hitam, Kedah. Kolej Tengku Syah, Seremban, Negeri Sembilan. University of Illinois , Amerika Syarikat.
7	Keluarga (Adik-Beradik dan Anak)	:	Adik-beradik – 6 orang Anak – 4 orang
8	Hobi	:	Membaca buku dan Menjahit
9	Kerjaya	:	Pensyarah Akademi Pengajian Bahasa
10	Sumbangan	:	<ul style="list-style-type: none">• Menghasilkan penyelidikan yang bertajuk “Women Entrepreneur” di Tok Bali. (International).• Menghasilkan penulisan “Writing Module”. (Diterbit dan diguna untuk tujuan pengajaran dan latihan)• Menyediakan laporan Majlis Canselor• Menjalankan program komuniti dan ceramah
11	Pencapaian	:	<ul style="list-style-type: none">• Mendapat gelaran Professor Madya perempuan termuda• Koordinator termuda (28 tahun)• Mendapat dua (2) kali anugerah Khidmat Cemerlang• Berjaya menaiktaraf fungsi dan peranan Akademi Pengajian Bahasa

Berikut adalah rakaman wawancara sejarah lisan bersama Professor Madya Norhaiyati Binti Abdul Muin berkaitan pengalaman beliau sepanjang penglibatan beliau dalam bidang pendidikan. Rakaman ini telah dijalankan di pejabat beliau di tingkat dua (2) Bahagian Hal Ehwal Akademik, UiTM Machang Kelantan yang bertarikh 08 Disember 2013 pada jam 12.15 tengahhari. Wawancara ini telah dikendalikan oleh Mohd Shasrul Ezaini Bin Muhamad dan dibantu oleh Muhammad Haniff Afifi Bin Mohd Nasir.

Transkrip

Petunjuk :

MSEM : Mohd Shasrul Ezaini Bin Muhamad

PMNHAM : Professor Madya Norhaiyati Binti Abdul Muin

BAHAGIAN A : LATAR BELAKANG TOKOH

MSEM : Apakah nama penuh puan mengikut kad pengenalan puan?

PMNHAM : Nama saya Norhaiyati binti Abdul Muin

MSEM : Apakah nama panggilan yang biasa di gunakan oleh ahli keluarga dan rakan-rakan untuk puan?

PMNHAM : Ti

MSEM : Bila dan di manakah puan di lahirkan?

PMNHAM : Saya di lahirkan pada *lapan belas* [18] jun *Sembilan belas Lapan puluh empat* [1984] di mukim Bukit Raya Kedah dan sekarang saya menetap di Machang Kelantan.

MSEM : Apakah nama penuh ibu dan bapa puan?

PMNHAM : Bapa saya bernama Abdul Muin bin Mat Lazim dan ibu saya Che Jah binti Khamis dan mereka masih hidup dan kedua-duanya berasal dari kedah.

MSEM : Berapakah bilangan adik-beradik puan dan puan anak yang ke berapa?

PMNHAM : Saya anak yang ke *tiga* [3] daripada *enam* [6] orang adik beradik. Abang saya yang sulung bernama Zulkifli, kakak yang *kedua* [ke-2] bernama Rohana, *ketiga* [ke-3] saya, *keempat* [ke-4] Mohd Rosli yang kita panggil dia Anuar dan abang saya yang sulung Zulkifli *tu* [itu] kita panggil dia Kamaruzaman ataupun panggilan *kat* [di] rumah Kamal, ke *lima* [5] Badrul Hisyam dan ke *enam* [6] Mohd Hamdan.

MSEM : Apakah pekerjaan adik-beradik puan sekarang?

PMNHAM : Abang saya yang sulung seorang kontraktor- dia buat sivil dan *elektrikal engineering* [jurutera elektrik] dan kakak saya yang ke *dua* [2] berniaga kedai makan di Prai [di negeri Pulau Pinang] dan abang saya *tu* [itu] *duk* [tinggal] di Ijok Selangor dan adik saya yang di bawah saya ke *empat* [4] juga kontraktor. Semuanya kerja sendiri kecuali saya. Saya sahaja yang kerja kerajaan.

MSEM : Bilakah puan mendirikan rumah tangga?

PMNHAM : Saya mendirikan rumah tangga pada tahun- *dua puluh enam* [26]

November tahun *sembilan belas sembilan puluh* [1990].

MSEM : Apakah nama penuh suami puan? Apakah pekerjaan suami puan sekarang?

PMNHAM : Untuk pengetahuan semua, saya--- sebab saya datang Kelantan ini sebab saya pernah mendirikan rumah tangga bersama seseorang yang berasal dari Kelantan dan saya mengenali beliau pada--- semasa saya belajar di universiti di Amerika dan daripada hubungan itu saya mempunyai *tiga* [3] orang anak- yang sulung Mohd Faiq bin Ahmad Nadri yang belajar di *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] Pulau Pinang mengambil *Elektrikal Engineering* [Jurutera Elektrikal] dan dia berumur *dua* [2] puluh tahun. Anak saya yang ke *dua* [2] baru sahaja lepas *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia]. Mohd Afiq seorang yang aktif dan yang ke *tiga* [3] dan yang bongsu seorang perempuan *satu-satunya* [1] perempuan yang saya ada Ayuni Nadia dan beliau baru sahaja selesai *UPSR* [Ujian Penilaian Sekolah Rendah] jadi *takda* [tidak ada] seorang pun anak saya yang *dah* [sudah] berkerja dan mendirikan rumah tangga dan saya *takda* [tidak ada] cucu (sambil gelak).

MSEM : Apakah hobi puan pada masa lapang?

PMNHAM : *Takda* [tidak ada] *specific* [khusus] hobi *kot* [mungkin] sebab saya sentiasa *busy* [sibuk] jadi kalau saya ada masa yang lapang saya *tu*[itu] saya lebih suka--- saya rasa saya lebih suka duduk di rumah bersama anak-anak dan keluarga di mana saya boleh tanam pokok

bunga,saya boleh jahit langsir sendiri,saya boleh kemas rumah tapi oleh kerana masa saya agak singkat di rumah *tu* [itu] jadi saya rasa saya *dah* [sudah] lama *tak* [tidak] menjahit dan *tak* [tidak] kisah pokok bunga saya dan pokok-pokok bunga saya layu seperti mana saya *tak* [tidak] menjaga mereka (sambil gelak) jadi susah *nak* [hendak] cakap *tapi* [tetapi] kalau tanya lagi mungkin saya rasa masa lapang saya juga suka membaca,saya sangat suka baca dan saya rasa anak-anak saya pun ikut saya *kot* [mungkin]- boleh kata semua suka baca.

MSEM : Apakah cita-cita puan pada asalnya?

PMNHAM : (berdeham) Memang la budak-budak dari kecil ke besar dia tengok *role model* [contoh] *kat* [di] kampung dulu *takda* [tidak ada] *role model* [contoh] yang banyak, masa dulu saya ingat saya *nak* [hendak] jadi cikgu sebab itu *je* [sahaja] yang saya nampak berjaya di sekeliling saya yang kaya- sebab saya susah. *Lepas tu* [selepas itu] kemudian saya *nak* [hendak] jadi *lawyer* [peguam], *mak* [emak] saya kata *tak* [tidak] payah jadi *lawyer* [peguam] sebab takut saya *defend* [pertahan]- tolong orang salah *tapi* [tetapi] dulu kalau *nak* [hendak] *jadi* [menjadi] *lawyer* [peguam] kita kena buat *STPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] kan, jadi saya masuk *Tengku Syah* [nama sekolah di Negeri Sembilan] dan sebenarnya *takda* [tidak ada] saya *tak* [tidak] pernah terfikir pun untuk menjadi seorang pensyarah kerana apabila saya mula di tawarkan biasiswa *ni* [ini] saya juga telah mohon untuk masuk *UPM* [Universiti Putra Malaysia] *tak* [tidak] payah saya

sebutkan khusus yang saya *nak* [hendak] *tu* [itu] *tapi* [tetapi] kerana keluarga sangat susah- saya dapat--- pada masa sama saya dapat biasiswa untuk buat *TESL* [Teaching English As A Second Language] dan saya rasa saya *tak* [tidak] minat langsunglah untuk buat *TESL* [Teaching English As A Second Language] sebab saya memang *tak* [tidak] minat english pada dulu saya *tak* [tidak] minat untuk menjadi guru pun *tapi* [tetapi] oleh kerana *tak* [tidak] ada pilihan maka saya terpaksa menerima *saja* [sahaja] apa *saja* [sahaja] biasiswa yang di beri jadi saya pun pergi la belajar ambil *TESL* [Teaching English As A Second Language] dan akhirnya menjadi seorang pensyarah atau pendidik yang ada sekarang *ni* [ini] la.

MSEM : Siapakah idola atau *role model* [model tokoh] yang menjadi contoh dalam hidup puan?

PMNHAM : Okay. Kalau tanya *ni* [ini] banyak kan *tapi* [tetapi] saya namakan ibu bapa saya sebab saya rasa *nak* [hendak] kata idola *tu* [itu] mungkin la sebab saya tengok dia orang susah *tapi* [tetapi] kekuatan semangat dia orang ada *tu* [itu]_ _ _ _ *kat* [di] kampung saya *tu* [itu] dia macam dulu kan *takda* [tidak ada] orang- orang yang setegas ibu bapa saya. Orang kata *mak bapak* [ibu bapa] saya tegas sebab bapa saya *tu* [itu] orang yang paling susah *kat* [di] kampung *tu* [itu] tetapi cara dia mendidik anak-anak *tu* [itu] supaya ada cita-cita. Jadi *bila* [apabila] dia ada duit *je* [sahaja] bapa saya akan bawa *kita orang* [kami] pergi makan *kat* [di] restoran- ajar makan dengan sudu garfu, sewa kereta dengan *driver* [pemandu] kereta sekali bawa *kita orang*

[kami] pergi bandar, jadi dia ajar *kita orang* [kami] cara macam mana kita ada cita-cita *nak* [hendak]- jadi sebenar--- jadi walaupun- Alhamdulillah walaupun kita orang susah *tapi* [tetapi] Alhamdulillah sekarang *ni* [ini] anak-anak- *mak bapak* [ibu bapa] saya walaupun tidak kaya raya sangat *tapi* [tetapi] semuanya berjaya dan tidak ada seorang pun yang *tak* [tidak] menjadi lah. Alhamdulillah lah. Saya *nak* [hendak] jadi macam dia orang yang rasa- *satu* [1] lagi yang saya *nak* [hendak]- ciri *dia orang* [mereka] yang saya- *tak tau* [tidak tahu] la saya ada ke tidak- orang kata saya ada tapi saya rasa *takda* [tidak ada], *dia orang* [mereka] sentiasa sangat pemaaf dan *dia orang* [mereka] tidak fikir negatif pasal orang lain. Saya suka itu.

MSEM : Apakah prinsip yang sentiasa di pegang dalam hidup puan?

PMNHAM : (berdeham) Banyak prinsip *ni* [ini] *tapi* [tetapi] yang saya *duk* [sedang] pegang sekarang ialah orang kata saya seorang yang kuat tapi saya rasa saya tidak kuat cuma saya punya prinsip ialah semua masalah yang berlaku dalam hidup saya hanya saya yang mampu menyelesaikannya, *takda* [tidak ada] orang lain. Jadi maknanya saya suka *tak* [tidak] suka apabila saya menghadapi sesuatu masalah saya terpaksa menghadapinya.

MSEM : Bolehkah puan ceritakan serba sedikit tentang kehidupan puan pada zaman dahulu?

PMNHAM : Panjang (sambil ketawa). Macam anak saya kata la, anak saya pernah tulis pasal saya- dia kata dia ibaratkan saya *ni* [ini] ibaratkan

pokok *willow* [sejenis pokok]- saya *tak* [tidak] tahu bahasa Melayu apa dia pokok willow. Pokok willow *ni* [ini] orang cina suka tanam sebab dia hadang angin, pokok willow *ni* [ini] *takkan* [tidak akan] patah- dia hanya boleh bengkok, jadi saya rasa kehidupan yang saya lalui *ni* [ini] memang sedikit sebanyak membentuk saya, seperti mana orang kata orang boleh *bend* [bengkokkan] saya- boleh buat saya bongkok tertunduk tetapi tidak boleh mematahkan saya kan, jadi saya daripada kecil sampai ke besar sebagaimana saya cakap tadi saya seorang yang susah dan kadang-kadang *kat* [di] kampung *tu* [itu] bapa saya telah memberi satu cita-cita supaya *kita orang* [kami]- apabila kita mempunyai cita-cita- bagi orang kampung yang pada masa duluan bagi mereka orang susah *ni* [ini] tidak boleh ada cita-cita. Jadi kami sentiasa di beritahu orang susah *ni* [ini] tidak perlu ada cita-cita, jadi bila saya mempunyai cita-cita saya rasa masa *tu* [itu] *takda* [tidak ada] la budak yang macam saya pada umur *empat* [4] tahun saya sudah pandai baca, saya umur *enam* [6] tahun saya sudah baca surat khabar jawi sebab itu *je* [sahaja] surat khabar yang ada *kat* [di] kampung saya, saya boleh baca dengan fasih. Saya ingat lagi kisah pertama saya baca yang saya ikut hari *tu* [itu] pasal suatu pembunuhan seorang suami bunuh isteri dia yang mengandungi *tapi* [tetapi] bukan islam la. Jadi saya *dah* [sudah] membaca kan, kenapa saya minat baca sebab saya rasa dengan baca *ni* [ini] saya boleh berjaya. Jadi orang selalu mengutuk, menghina *mak bapak* [ibu bapa]- saya *takda* [tidak ada] buku *nak* [hendak] beli, pergi sekolah *takda* [tidak ada] buku. *Nak* [hendak] bayar yuran

pun ambil *turn* [giliran], anak sulung dulu anak ke *dua* [2] dulu. Jadi selalu di marah oleh guru kerana lambat bayar yuran. Jadi keadaan macam *tu* [itu], Alhamdulillah saya tidak tahu kenapa Tuhan bagi saya satu keinginan untuk saya berjaya. Jadi orang selalu tanya kenapa masa kecil dulu saya *tak* [tidak] tahu kenapa saya *nak* [hendak] belajar bahasa Inggeris walaupun saya *tak* [tidak] minat belajar Inggeris. Masa saya ingat masa saya umur *empat* [4] *lima* [5] tahun saya tengok sepupu-sepupu saya *kat* [di] kampung saya *tu* [itu] *mak bapak* [ibu bapa] saya ___ susah *tapi* [tetapi] bapa sedara saya *tu* [itu] orang kaya *kat* [di] kampung *tu* [itu] dia hantar anak dia pergi sekolah- dia hantar anak dia separuh sekolah agama yang atas *tiga* [3] orang *tu* [itu] dan *tiga* [3] bawah *tiga* [3] *tu* [itu] sekolah Inggeris. Saya dapati yang pergi sekolah Inggeris *tu* [itu] semua jadi cikgu, berjaya la bagi orang kampung kan, jadi saya nampak bila dia pergi sekolah Inggeris *tu* [itu] saya percaya bahasa Inggeris *tu* [itu] kita kena kuasai sebab *nak* [hendak] berjaya kena pandai bahasa inggeris. Jadi masa saya kecil *tu* [itu] saya *dah* [sudah] pergi ke rumah sepupu saya yang kaya, ada jumpa keratan surat khabar bahasa Inggeris- saya pergi jumpa- dia suruh saya baca. Jadi dia garang sepupu saya *ni* [ini], sekarang *ni* [ini] dia ___ *dah* [sudah] pencen ___ .Bila dia ajar *tu* [itu] dia suruh saya ingat makna perkataan *tu* [itu] esok dia tanya lagi kalau *tak* [tidak] pandai jawab dia cubit- saya ingat hari-hari saya balik *tu* [itu] lebam saya punya peha *ni* [ini] kan. Jadi saya percaya pada masa *tu* [itu] ___ satunya saya kena kuasai Inggeris, saya ingat masa saya darjah

empat [4] saya *dah* [sudah] baca novel *four little women* [4 perempuan kecil] . *four little women* [4 perempuan kecil] *ni* [ini] dia *satu* [1] novel yang *sohor* [masyhur] la, dia sangat macam susah untuk baca *tapi* [tetapi] saya *dah* [sudah] baca, jadi *by* [oleh] *Dian of state* [Dian dari negara]_ _ _ saya ingat saya *dah* [sudah] baca *dah* [sudah]. Jadi semua orang kata gila orang miskin *ni* [ini] ada cita-cita- pada penilaian darjah *lima* [5] *tu* [itu]saya telah pecah rekod *kat* [di] sekolah bukan saja *kat* [di] sekolah saya- sekolah berdekat *tu* [itu] saya budak pertama dapat *lima* [5] A. Jadi *kat* [di] sekolah saya *break* [pecah] rekod dapat *lima* [5] A, saya pun *tak* [tidak] sangka kan *tapi* [tetapi] saya rasa macam senang *je* [sahaja] saya belajar. Lepas *tu* [itu], saya budak kampung pertama yang masuk *Tengku Syah* [sekolah di Kedah], budak kampung pertama yang pergi *oversea* [luar negara]. Jadi banyak kenangan-kenangan pahit dan manis sebab pahitnya sebab bapa saya *nak* [hendak] hantar saya *Tengku Syah* [sekolah di Kedah] *tu* [itu] bapa saya *takda* [tidak ada] tanah walaupun sekangkang kera kan- jadi apa yang dia *nak* [hendak] gadai, *nak* [hendak] bayar yuran pada masa *tu* [itu] *nak* [hendak] persediaan *dua ratus* [200] hingga *empat ratus* [400] ringgit *je* [sahaja] kan tapi bapa saya *takda* [tidak ada] tanah pun untuk gadai- duit simpanan pun tidak ada- jadi bapa saya terpaksa gadai padi pokok- bayangkan bapa saya *tu* [itu] sewa tanah untuk buat padi tapi dia *takda* [tidak ada] tanah *nak* [hendak] gadai- dia gadai padi pokok. Jadi saya ingat *first four month* [empat bulan pertama] saya *duk* [tinggal] *kat* [di]_ _ _ saya menangis tiap-tiap malam *tapi*

[tetapi] kawan-kawan saya sampai saya *dah* [sudah] kerja sampai saya umur *empat* [4] puluh lebih baru *dia orang* [mereka] tahu yang saya *ni* [ini] dulu susah- keluarga saya macam mana- *dia orang* [mereka] baru tahu sebab saya tidak pernah kongsi masalah saya dengan kawan-kawan. Itulah satu masalah saya sebab saya susah *nak* [hendak] berkongsi masalah saya pada masa *tu* [itu]. Kalau saya kongsi pun *dah over* [sudah habis] *dah* [sydah], *bila* [apabila] saya *dah* [sudah] kongsi maknanya saya *dah* [sudah] willing [sanggup] *nak* [hendak]- *i was willing to share it with people* [saya sudah sanggup untuk berkongsi dengan orang]. Jadi orang tidak pernah tahu saya menangis pada masa *tu* [itu]. *Satu* [1] masalah saya, saya *tak* [tidak] menangis depan orang. Jadi *bila* [apabila] saya *tak* [tidak] menangis depan orang, orang kata saya *too strong* [sangat kuat] dan orang kita *ni* [ini] satu masalah dia *tak* [tidak] boleh terima *a women is too strong* [seorang perempuan yang sangat kuat] yang jarang menangis depan orang lain. Memang saya nangis juga- cakap dengan awak saya berair mata *ni* [ini] tapi *I will not break down and cry* [saya tidak akan mengalah dan menangis] la kecuali sebab-sebab tertentu la. Saya ingat saya menangis depan pelajar pun *dua* [2] kali *je* [sahaja] saya ingat sebab kawan saya meninggal, *tu* [itu] *je* [sahaja] saya *break down and cry* [mengalah dan menangis]. Jadi lain *tu* [itu] mungkin masalah peribadi *tu* [itu] semua saya *takkan* [tidak akan] cerita dekat orang sehinga benda *tu* [itu] mungkin bertahun-tahun lepas baru saya cerita. Jadi saya rasa dalam hidup saya *ni* [ini] dari kecil hingga besar *takda* [tidak ada]- -saya lebih

banyak kenangan pahit dalam hidup saya kan, di hina di, cerca apa semua kan. Masa saya *duk* [tinggal] *kat* [di] *oversea* [luar negara] dulu saya terpaksa korbankan duit biasiswa. Kawan-kawan masa cuti pergi berjalan. Saya *tak* [tidak] pergi berjalan- hantar duit balik keluarga kan. Lepas *tu* [itu] saya kerja sambil belajar, jadi saya rasa hidup saya dari kecil sampai besar *tu* [itu] banyak yang susah *tapi* [tetapi] saya rasa kesan *tu* [itu] yang mengajar saya jadi kuat dan lebih menghargai ibu bapa saya yang _____ sebab saya dulu- masa saya belajar dulu orang tanya apa yang membuatkan saya berjaya kan, orang kata Tuhan la apa semua la. Masa *tu* [itu] kita jahil kan kita *tak* [tidak] kata Tuhan kan saya *tak* [tidak] kata Tuhan- saya rasa yang mendorong saya ialah Tuhan la bila *dah* [sudah] tua *ni* [ini] kita Tuhan la menolong kita *ni* [ini] *tapi* [tetapi] yang memberi pendorong saya ialah kesusahan keluarga saya sebab apabila saya balik *tu* [itu] awak bayang rumah *mak bapak* [ibu bapa] saya *tu* [itu] *nak* [hendak] roboh *dah* [sudah] lepas saya balik dari *oversea* [luar negara] *tu* [itu]. Jadi *first* [pertama] gaji saya *tu* [itu] memang saya guna untuk baiki rumah *mak bapak* [ibu bapa] saya. Orang lain semua beli itu beli ini tapi saya *tak* [tidak], first gaji saya guna untuk baiki. Jadi susahnyanya keluarga saya sampai itulah yang mendorong saya sebab keluarga saya *nak* [hendak] cakap betul-betul memang banyak berkorban untuk kejayaan saya. Jadi susah *nak* [hendak] cakap la kan orang dah biasa senang- bila saya cerita *kat* [dekat] orang, orang macam *tak* [tidak] percaya _____ saya senyap *je* [sahaja] kan sebab saya rasa apa yang saya lalui *tu* [itu] memang

perit lah- - - keluarga di hina, di caci- saya ingat mak saya pernah sekali dia balik sebelum saya dapat *offer* [tawaran] pergi *oversea* [luar negara] saya cakap *kat* [kepada] *mak* [emak] saya jangan beritahu orang sebab orang *takkan* [tidak akan] sokong *tapi* [tetapi] dia akan menghina dan *mak* [emak] saya balik menangis sebab orang hina orang kata orang susah macam saya *ni* [ini] *takkan* [tidak akan] mampu untuk pergi belajar *kat* [di] universiti dan berjaya kan dan lagi *satu* [1] bila *nak* [hendak] pergi *oversea* [luar negara] orang cerca pula- balik mestilah rosak la kan pergi *oversea* [luar negara] kan, jadi macam-macam. Bila saya balik dari *oversea* [luar negara] saya ingat saya pergi usrah dengan mak saya, budak-budak muda jarang pergi usrah tapi saya selalu. *Mak* [emak] ayah saya *ni* [ini] *satu* [1] didik anak-anak, kenduri-kenduri kita orang pergi tolong walaupun orang *tak* [tidak] pergi, usrah ke apa *kat* [di] masjid *kita orang* [kami] kena pergi . Kalau pergi *tu* [itu] selalu kena sindir la, pakai pun *tak* [tidak] kena pakai macam ini pun *tak* [tidak] kena. Jadi orang kampung *ni* [ini] *takda* [tidak ada] benda yang kena mengenai orang *ngaji* [belajar] tinggi *ni* [ini]- masa *tu* [itu] semua bebas kan- bebas. Jadi *mak bapak* [ibu bapa] saya *ni* [ini] saya bersyukur kerana mereka *tu* [itu] *satu* [1] mereka *tak* [tidak] pernah mengata orang lain, yang ke *duanya* [2] mereka *tak* [tidak] pernah mencerca orang lain jadi bila orang kata *tu* [itu] dia kata Insyaallah Alhamdulillah. Jadi kadang-kadang benda *tu* [itu] berbalik kepada orang yang kata. Contoh ada seorang wanita *ni* [ini] saya *tak* [tidak] faham kenapa- semua pasal anak-anak *mak* [emak] saya *tu* [itu] buruk *tak* [tidak]

baik kan jadi dia selalu tuduh saya macam-macam. Contoh fitnahkan saya keluar dengan budak laki [lelaki] masa sekolah menengah sebab sekolah perempuan tapi [tetapi] akhirnya anak dia yang buat perangai apa yang dia kata kepada saya tu [itu]. Jadi tuhan ni [ini] Maha Kaya bila kita kata kat [kepada] orang benda tu [itu] akan balik kat [kepada] kita kan. Jadi minta maaf cakap banyak sikit.

MSEM : *Takpa* [tidak mengapa]. Bilakah puan bercadang untuk bersara dan apa aktiviti puan selepas bersara?

PMNHAM : Saya sebenarnya bila [apabila] di bagi *option* [pilihan] untuk bersara pada *enam puluh* [60] tahun tu [itu] saya dengan nekad pilih untuk bersara pada *lima puluh lapan* [58] tahun kerana saya rasa saya bekerja--- masa tu [itu] saya bekerja agak lama lebih *tiga puluh* [30] tahun jadi saya rasa saya macam penat bekerja. Jadi saya cadang saya mula-mula *nak* [hendak] duduk *je* [sahaja] kat rumah kan, saya suka *je* [sahaja] duk kat [di] rumah saya seorang walaupun saya nampak seorang yang jenis *outgoing* [suka aktiviti luar] tapi [tetapi] saya seorang yang suka duduk rumah. Jadi saya *nak* [hendak] duduk rumah tapi [tetapi] mungkin saya salah *satu* [1] benda yang saya teringin sangat *nak* [hendak] membuat aktiviti kemanusiaan- pergi Palestin ke pergi Afganistan ke pergi mana ke. Saya teringin saya harap Tuhan bukakan jalan pada saya sebab masa tu [itu] anak-anak saya *dah* [sudah] besar kan, saya pun *takda* [tidak ada] *sape* [sesiapa] kan. Jadi *hopefully* [harap-harap]--- sebab saya antara benda yang saya suka buat saya ialah pergi jumpa orang susah-

tolong-tolong orang susah kan tapi *taknak* [tidak hendak] la cakap besar yang saya selalu buat kan tapi saya teringin- saya suka buat dan ingin buat dan saya *very* [sangat]_ *about women* [mengenai perempuan] tolong-tolong orang perempuan yang susah-susah yang-- biasalah banyak masalah perempuan *ni* [ini] kan.

Bahagian B : Sejarah Pendidikan

MSEM : Bila dan di manakah puan mula bersekolah?

PM NHAM : *Ni* [ini] patut cerita awal lagi *ni* [ini]. Saya masuk darjah *satu* [1] ke--tahun *sembilan belas tujuh puluh satu* [1971] di *Sekolah Kebangsaan Bukit Raya Luar* [sekolah di Kedah]_ *tapi* [tetapi] sekarang *ni* [ini] dia *dah* [sudah] bagi nama *Sekolah Haji Abdul Rahman Hitam* [sekolah di Kedah] *tapi* [tetapi] saya *tak* [tidak] tahu *dah* [sudah] saya *tak* [tidak] ingat *dah* [sudah] *tapi* [tetapi] sekolah *tu* [itu] *dah* [sudah] ada- masih ada. *Lepas tu* [selepas itu] *bila* [apabila] saya sebut- *bila* [apabila] bila saya dapat *lima* [5] A saya di tawarkan ke Kolej Tengku Syah di Seremban, Negeri Sembilan *sembilan belas tujuh puluh tujuh* [1977]. Bayang jauh la, masa *tu* [itu] kecil masa bapa saya- *bila* [apabila] dia hantar saya *tu* [itu] kecil pendek. Jadi dia naik berulang-ulang kali nak tinggalkan saya *tu* [itu] *tak* [tidak] sampai hati- *bila* [apabila] dia turun *tu* [itu] hujan lebat saya pula yang *tak* [tidak] sampai hati tengok bapa saya pergi sebab hujan sangat lebat dan bapa saya pergi naik teksi *je* [sahaja] kan, pada zaman *dulu* [dahulu] tahu la kan. Jadi memang duduk *kat* [di] asrama

penyuh *ni* [ini] kira *survivor* [mampu bertahan] la_ _ _ _ *it all survivor* [semua ketahanan] sebab *satu* [1] bila saya masuk *Tengku Syah* [sekolah di Negeri Sembilan] saya dapati sekolah *tu* [itu] memang sekolah elit- masa dulu budak-budak kaya ramai. Jadi saya antara *batch-batch* [kumpulan-kumpulan] yang awal di serapkan budak-budak yang susah *kat* [di] sekolah *tu* [itu] jadi rasa cabaran sangat. *Satu* [1] budak elit *ni* [ini] dia kaya- dia ada duit- pakaian dia elok tapi kita rasa tercabar- *lepas tu* [selepas itu] kita kadang macam rasa terhina- *lepas tu* [selepas itu] *dia orang* [mereka] pandai English yang paling penting *dia orang* [mereka] pandai English jadi--- lagi *satu* [1] English memang sangat di tekankan dalam *Tengku Syah* [sekolah di Negeri Sembilan] jadi saya mula_ *you* [kamu] bayangkan cakap Kedah pekat- English *tak* [tidak] pernah digunakan *kat* [di] rumah, *kat* [di] sekolah, sekolah *kat* [di] kampung- sekolah *duduk* [di] kampung jadi rasa satu cabaran yang besar dalam *Tengku Syah it all about survivor* [sekolah di Negeri Sembilan, ini semua mengenai untuk hidup] la. Jadi daripada seorang yang aktif saya jadi pasif masa *tu* [itu] sebab rasa macam sedikit--- *down* [jatuh] di sebab *imperiality complex* [kesukaran pergaulan] kan tapi Alhamdulillah la kawan-kawan walaupun ada setengah *tu* [itu] anak orang kaya dia orang *tak* [tidak] bangga diri sangat kan tapi saya *notice* [sedar] keadaan suasana kemudahan para guru kan *Tengku Syah* [sekolah di Negeri Sembilan] dia elit *of course* [mesti] la dia persediaan pelajaran sangat bagus- makan minum *ok* [okay] la apa semua kan tapi ada *satu* [1] ketika kalau *you* [kamu], saya tengok saya faham

kenapa kerajaan meramaikan masa *kita orang* [kami] *tu* [itu] hantar kena paksa buat *TESL* [Teaching English As A Second Language] buat fizik, buat *chemistry* [kimia] buat *bio* [biologi] buat sebab dia masa *tu* [itu] visi misi kerajaan ialah untuk menambahkan bilangan pelajar melayu *satu* [1], dan *keduanya* [2] menambah bilangan guru-guru sebab masa *tu* [itu] saya tengok guru-guru masa *tu* [itu] boleh kata mengajar Matematik, Sains, Fizik, Kimia, *bio* [biologi] semua *tu* [itu] English semua- Chinese *few* [beberapa orang China], Indian dan Malay [Melayu] sikit. *Lepas tu* [selepas itu] cikgu-cikgu India kalau *baised* [berat sebelah], *biased* [berat sebelah] sangat-sangat *biased* [berat sebelah] kalau dia cakap dia benci- sebab kita orang *Tengku Syah* [sekolah di Negeri Sembilan] budak Melayu *seratus peratus* [100%] elit- memang *kat* [di] situ saya pergi banding sekolah- makan sekolah asrama lain *kita orang* [kami] memang makanan makanan *better* [lebih baik] la *the best* [terbaik] la dari segi kemudahan _ _ _ _ _ memang elit. Jadi the Chinese Indian *they hate us* [orang China dan India benci kami] *hater us* [benci kami] dia benci kita orang- India saya ingat cikgu India saya *tu* [itu] nama dia _ _ dia sangat benci budak Melayu dia *tak* [tidak] mengajar *kita orang* [kami] dia mengajar English dia *tak* [tidak] mengajar *kita orang* [kami] *you* [kamu] bayang tahun *tu* [itu] kita orang *nak* [hendak] ambil *SPM* [*Sijil Pelajaran Malaysia*] dia *tak* [tidak] ajar pun format apa semua *tapi* [tetapi] tahu la budak *Tengku Syah* [sekolah di Negeri Sembilan] *ni* [ini] Alhamdulillah kita *dah* [sudah] *smart* [pandai] kan *kita orang* [kami] memang *dah* [sudah] cerdik

pandai *dah* [sudah] jadi cuma perlu sampingan kita orang terpaksa tukar-tukar soalan dengan sekolah-sekolah lain jadi *kita orang* [kami] terpaksa cari jalan sendiri *nak* [hendak] ambil SPM [*Sijil Pelajaran Malaysia*] tahun *tu* [itu] saya pun *tak* [tidak] sangka juga saya dapat A English sebab dengan cikgu *tak* [tidak] ajar apa semua kan *tapi* [tetapi] cikgu China dia *biased* [berat sebelah] juga *tak* [tidak] suka dengan budak-budak Melayu *ni* [ini] sebab dapat *privilege* [keistimewaan] kan- dia *kata you all got the best privilege* [kamu semua dapat keistimewaan yang bagus] dari *government* [kerajaan] *tapi* [tetapi] pada masa sama cikgu China *satu* [1] bagusnya untuk kepentingan dia sebab kalau kata budak gagal dia kena- kalau budak ramai cemerlang dia dapat kenaikan pangkat apa semua kan jadi dia akan ajar kita betul-betul *tapi* [tetapi] dia akan keluarlah kenyataan-kenyataan berbaur perkauman di kelas macam contoh you [kamu] *the malay you got all the privilege*. [kamu semua orang Melayu dapat keistimewaan] Saya lalui benda *ni* [ini] sampai *kat* [di] universiti di universiti *kat* [di] *US* [United State] ada seorang budak cina *kat* [dekat] universiti saya tu, sakit jiwa la. Budak China *tu* [itu] dia pergi hasut pensyarah-pensyarah kata budak-budak melayu *ni* [ini] bukan pandai sangatlah. Saya *takda* [tidak ada] unsur perkauman *tapi* [tetapi] saya dapati itu yang berlaku *kat* [kepada] *kita orang* [kami]. Saya lalui sendiri. Kalau kita kata macam contoh dato visi puji guru China, pensyarah China, saya rasa *dia orang* [mereka] mengajar terbaik *because of self* [sebab diri sendiri] , *self* [diri] kan dia dapat *satu* [1] apa--- orang akan bagi *satu* [1]

penghargaan kepada dia *tapi* [tetapi] mereka benci pada orang Melayu setengah *tu* [itu] *tak* [tidak] semua la *tapi* [tetapi] ada benci la *kita orang* [kami] ada *gaduh* [bergaduh] la sampai *gaduh* [bergaduh] la *kita orang* [kami] guru-guru *ni* [ini] bukan tujuan *kita orang* [kami] *nak* [hendak] bergaduh *tapi* [tetapi] dia punya sentimen terhadap orang Melayu *ni* [ini] sangat *obvius* [jelas] la mungkin masa *tu* [itu] *tahun tujuh puluh an* [70-an] kan *tapi* [tetapi] ada juga cikgu Cina yang *ok* [okay] kan *tapi* [tetapi] banyak dia orang negatif sikit la *tapi* [tetapi] dia orang the *best teacher* [guru terbaik] la. Kalau di tanya subjek yang paling di sukai (sambil ketawa) paling yang saya suka- saya suka geografi la- yang paling saya *tak* [tidak] suka English la *because my teacher hated us* [guru benci kami].

MSEM : Adakah puan aktif dalam persatuan dan kokurikulum pada ketika itu?

PMNHAM : Saya rasa persatuan *tu* [itu] saya biasa-biasa *je* [sahaja] *kot* [mungkin] sebab saya *ni* [ini] lebih kepada *back stage* [sebalik tabir] punya orang *ni* [ini] kan, satu persatuan yang saya suka ialah persatuan seni lukis sebab dia budak-budak seni lukis yang ambil betol-betol seni lukis sikit masa *tu* [itu]- jadi kita orang jadi satu *group* [kumpulan] yang sangat kecil *tapi* [tetapi] satunya *group* [kumpulan] kita orang sangat aktif- kita orang selalu pergi hias dewan buat *backdrop* [latar belakang] saya suka la- saya suka benda-benda yang *back stage* [di belakang pentas]. Kalau suruh saya naik atas *stage* [pentas] nyanyi ke berlakon- saya pengsan la. Saya pada

muda *dulu* [dahulu] saya sangat malu- saya seorang pemalu- saya ada *stage fright* [takut pentas] yang sangat dasyat. Kalau saya duduk atas *stage* [pentas] pandang *kat* [ke] bawah *tu* [itu] saya memang *tak* [tidak] ingat *step* [langkah] kalau menari. Jadi saya lebih *back stage* [sebalik tabir] punya orang *tapi* [tetapi] *satu* [1] lagi kokurikulum yang sangat aktif kadet. Saya ingat masa *tu* [itu] memang *dah* [sudah] hitam memang *dah* [sudah] hitam gelap sebab dia kadet polis *dulu* [dahulu] polis yang jaga- *kat* [di] Negeri Sembilan *tu* [itu] ada *sepuluh* [10] sekolah *je* [sahaja] yang polis jaga, polis *train* [latih] *kita orang* [kami] sekolah *kita orang* [kami] antara yang terbaik dari segi pertandingan kawad selalu menang walaupun sekolah perempuan *dua* [2] *je* [sahaja] sekolah lelaki *lapan* [8] kan *tapi* [tetapi] saya suka sebab pergi *camping* [perkhemahan] banyak pengalaman saya suka benda-benda yang lasak yang *tak* [tidak] payah berdepan dengan orang jadi saya suka. Jadi saya suka dari segi pencapain saya *tu* [itu]- saya rasa masa *kat* [dekat] *Tengku Syah* [Sekolah di Negeri Sembilan] walaupun masa sekolah rendah saya *excellent* [cemerlang] *tapi* [tetapi] *kat* [di] *Tengku Syah* [Sekolah di Negeri Sembilan] *tu* [itu] saya ada- saya *average* [sederhana] *je* [sahaja] *kot* [mungkin] *tapi* [tetapi] *bila* [apabila] saya cakap dengan kawan saya *one of the best student* [salah seorang pelajar terbaik] baru *ni* [ini] dia kata walaupun dia dapat *one of top student* [antara pelajar terbaik] dia rasa dia ada impurity [benda asing] sebab *kat* [di] sekolah *ni* [ini] cikgu *ni* [ini] lebih pandang tinggi kepada budak-budak atlit- budak-budak yang aktif *ko* [kokurikulum] dia kata jadi

dia- *we have our own impurity* [kami memiliki benda asing sendiri] la masa *tu* [itu] kan. Saya rasa pengalaman pahit manis *ni* [ini] banyak la kan pengalaman pahit *ni* [ini] *of course* [mesti] la saya susah kan *takda* [tidak ada] duit- kawan-kawan selalu makan sedap-sedap depan saya kan. Saya ingat saya ada *satu* [1] saya selalu cerita *kat* [kepada] anak saya- saya ada seorang kawan masuk *form four* [tingkatan empat] dia anak orang kaya dan menunjuk dan kawan dengan orang kaya *je* [sahaja] dan saya ingat dia *tu* [itu] makan natella- natella yang coklat *spread* [sebar] *tu* [itu] kan natella *tu* [itu] mahal sekarang *ni* [ini] mahal. Sekarang *ni* [ini] kalau *you* [kamu] beli yang bekas besar *tu* [itu] dekat dengan *tiga puluh* [30] ringgit *satu* [1] bekas *ni* [ini] jadi saya dulu *nak* [hendak] sangat makan *tapi* [tetapi] dia *tak* [tidak] pernah *offer* [tawar] *kita orang* [kami] *tapi* [tetapi]_ saya *ni* [ini] kawan-kawan pun kaya-kaya juga *tapi* [tetapi] *tak* [tidak] beli juga- jadi saya kata *kat* [kepada] anak saya- *dulu* [dahulu] saya inginkan makan natella *tu* [itu] *tapi* [tetapi] peliknya *bila* [apabila] kita ada duit saya mampu membeli *tapi* [tetapi] *tak* [tidak] teringin *dah* [sudah] pun. Saya beli sekali- rupanya macam *ni* [ini] rasa dia- *lepas tu* [selepas itu] saya *tak* [tidak] terasa teringin *nak* [hendak] beli. Jadi ia mencabar banyak la kan. Pengalaman manis *ni* [ini] banyak sebab dengan kawan *ni* [ini] *bila* [apabila] cuti kalau cuti saya *tak* [tidak] sempat balik kan- jauh, miskin kan *dulu* [dahulu] mana_ *mak bapak* [ibu bapa] *takda* [tidak ada] duit *nak* [hendak] bagi kan. Jadi saya ingat masa *kat* [di] sekolah *dulu* [dahulu] kawan-kawan sentiasa bawa balik *gi* [pergi] Negeri

Sembilan [9]- kawan-kawan *dekat* [di] Johor pernah bawa balik-banyak Negeri *Sembilan* [9] la sebab saya ingat ada sekali kawan saya balik pergi Pilah [di Negeri Sembilan] di mana saya mabuk sampai lembik sebab saya dulu masalah saya ialah mabuk naik bas sampai sekarang, sampai tua *ni* [ini] mabuk naik bas *tapi* [tetapi] kalau saya bawa saya *ok* [okay] *je* [sahaja] la *tapi* [tetapi] banyak pengalaman manis masa *kat* [di] sekolah *ni* [ini] pahit *tu* [itu] *gitu-gitu* [lebih kurang] *je* [sahaja] kan.

MSEM : **Siapakah teman yang paling di ingati pada masa itu?**

PMNHAM : Kawan saya yang saya ingat sampai sekarang _ _ _ yang *keep in touch* [masih berhubung] ialah Zaida Ibrahim Zaida Ali- *kita orang* [kami] ada *satu* [1] ketika *tu* [itu] masa kita orang kelas *dua* [2] *N* [nama kelas] masa *tu* [itu] rapat *pelik* [sungguh]- suka hantar mesej-mesej kecil-kecil hantar *ni* [ini] kan *tapi* [tetapi] *bila* [apabila] *dah* [sudah] lama *ni* [ini] *bila* [apabila] kelas *tak* [tidak] sama jadi *kita orang* [kami] tak--- rapat *gitu-gitu* [lebih kurang] *tapi* [tetapi] sekarang *ok* [okay] la saya suka la sebab bila ada *whatssup ni* [aplikasi telefon ini] *unite us* [menyatukan kami] balik la *and then other friend of mine* [dan kemudian kawan saya yang lain] dia macam kakak bukan kawan la kakak la- nama dia Mudmainah saya panggil Mud- sekarang *ni* [ini] *dah* [sudah] datin la suami dia *somebody* [seseorang] *kat* [di] *Universiti Kebangsaan Malaysia* [UKM]. Jadi yang *tu* [itu] saya lebih macam kakak dan kalau *nak* [hendak] tahu Noriah Kasnom *tu* [itu] Timbalan Menteri Wanita tu

[itu] *she was my roommate* [dia adalah teman sebilik saya] *my dormate* [teman asrama] sama kadet *dulu* [dahulu] saya pernah ikut dia balik- pernah sesat bersama- bukan sesat- kena tinggal bas- *kita orang* [kami] tumpang rumah orang entah *sape-sape* [sesiapa] jadi saya ingat macam-macam kawan yang boleh mengingatkan *tapi* [tetapi] pelik la *bila* [apabila] kita *dah* [sudah] kerja *ni* [ini] kawan *dulu* [dahulu] kita *tak* [tidak] rapat *dulu* [dahulu] kita baik sekarang *ni* [ini] jadi baik lebih rapat sekarang *ni* [ini]_ _ _ _ _ kalau *nak* [hendak] sebut ramai la macam Rosimah, Rozita Tahar, Tie macam-macam la- ramai la kawan-kawan yang saya ingat kan- yang--- entah la saya rasa rapat la dulu Marini contohnya.

MSEM : Setelah tamat zaman persekolahan adakah puan terus menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi atau bekerja terlebih dahulu?

PM NHAM : Saya sambung belajar terus sampai ke *master* [sarjana] daripada *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] terus ke *degree* [sarjana muda] sampai *master* [sarjana]. Jadi sebab dia *offer* [tawar] pakej cuma *nak* [hendak] buat *PHP* [Doctor of Philosophy] *tu* [itu] banyak *offer* [tawaran] *tapi* [tetapi] semua kena *reject* [tolak] jadi saya mula pergi *oversea* [luar negara] pada tahun *sembilan belas lapan puluh dua* [1982] ambil English *dulu* [dahulu] sebab universiti tu *takda* [tidak ada] *TESL* [Teaching English As A Second Language] Kementerian Pelajaran dia hantar *je* [sahaja] dia *tak* [tidak] kira ada English_ _ _ dia suruh ambil *je* [sahaja] *dulu* [dahulu] *lepas tu* [selepas itu] baru

buat *TESL* [Teaching English As A Second Language]. Jadi mula-mula saya ambil *tu* [itu] english, *degree* [sarjana muda] saya pun English. English *tu* [itu] susahnyanya masyaallah sebab kita kena belajar *old* [lama] English, *oh my god* [Ya Tuhanku]--- saya rasa *TESL* [Teaching English As A Second Language] lagi senang *kot* [mungkin]- English susah la sebab kita *nak* [hendak] kena belajar bahasa *tu* [itu], bahasa lama bahasa baru kena *translate* [terjemah] masyaAllah *literature* [kesusasteraan] subjek yang paling saya benci- *literature* [kesusasteraan] sebab English kan *tapi* [tetapi] kawan semua kata memang saya skor- *literature* [kesusasteraan] selalu dapat A *review* [kaji] saya sangat bagus semua *lecturer* [pensyarah] suka *tapi* [tetapi] *dia orang* [mereka] semua *tak* [tidak] tahu itulah subjek yang saya benci dan saya skor sebab saya takut saya *fail* [gagal]- bila saya benci saya takut saya fail [gagal]. Saya *bila* [apabila] *lecturer* [pensyarah] bagi assignment [tugasan] saya terus ke library [perpustakaan] pergi cari-cari- saya tengok macam mana orang kritik sebab kiritikal *review* [kajian]- dari situ saya belajar walau saya benci- *dont hate subject actually* [jangan benci subjek sebenarnya] *tapi* [tetapi] *i hate that subject untill now* [saya benci subjek itu sampai sekarang]. Kalau orang suruh ambil_ _ _ saya pengsan *kot* [mungkin]. Jadi ini la ceritanya *lepas tu bila* [selepas itu apabila] lepas english *tu* [itu] entah macam mana saya *kat* [di] universiti *tu* [itu] saya *tak* [tidak] *tau* [tahu] kenapa lecturer-lecturer [pensyarah-pensyarah] macam suka dengan saya, saya baik dengan *lecturer* [pensyarah]. Sampai sekarang walau orang kata itu

tak [tidak] boleh *tu* [itu] perayaan kafir- *i still miss* [saya masih rindu] krismas. *Bila* [apabila] krismas *tu* [itu] saya *miss* [rindu] sebab saya tidak pernah *tak* [tidak] *celebrate* [sambut] krismas *lecturer* [pensyarah] sentiasa jemput pergi *celebrate* [sambut] krismas bersama-sama. Krismas *ni* [ini] dia bukan rumah terbuka dia *by invitation* [melalui jemputan] dia *invite* [menjemput] orang yang rapat sampaikan saya buat *degree* [sarjana muda] buat *master* [sarjana] saya selalu dapat *invitation* [jemputan]. *Lepas tu* [selepas itu] saya *ni* [ini] ada *dua* [2] orang kawan baik nama dia Yati *kat* [di] *Universiti Malaya* [UM] kawan baik saya juga kita *dua* [2] *ni* [ini] *grad* [terima sarjana muda] dalam *tiga* [3] tahun- *lecturer* [pensyarah] kata gila buat kerja gila. *Bila* [apabila] saya belajar first [pertama] *sem* [semester] *tu* [itu] ambil *empat* [4] subjek *ni* [ini] saya kata senang *je* [sahaja] kan. Jadi saya buat *satu* [1] perancangan pelajaran- saya pergi jumpa *advisor kat* [penssihat di]- sana ada ada penasihat akademik dia panggil *academic advisor* [penasihat pelajaran] nama dia Alen- dia besar, gemuk, dia mengajar *literature* [kesusasteraan] saya benci *literature* [kesusasteraan] saya benci dia sebab dia *literature* [kesusasteraan] *tapi* [tetapi] sebenarnya *lepas tu* [selepas itu] saya *tak* [tidak] benci pun *lepas tu* [selepas itu] dia okay *je* [sahaja]. Saya *gi* [pergi] jumpa dia- saya kata *this is my study plan i'm going to grad in three year* [ini adalah rancangan belajar saya dan saya akan mendapat sarjana muda dalam masa tiga tahun] *confident* [yakin] saya cakap *kat* [kepada] dia, dia pun pandang saya- dia kata *you must be crazy* [kamu mesti gila] *what* [apa] *you* [kamu]

must be crazy [mesti gila] *in three year* [dalam tiga tahun] *kat* [di] US [United State] *you* [kamu] *can grad* [mendapat sarjana muda] *in three in half year* [dalam tiga tahun setengah] *tapi* [tetapi] jarang-jarang orang buat *three year* [tiga tahun] *ni* [ini]. *Lepas tu* [selepas itu] dia kata---*yes this is my study plan* [ya, ini adalah jadual perancangan belajar saya] tengok-tengok dia kata *are you* [kamu] *serious* [serius]. *Lepas tu* [selepas itu] dia cabar saya, dulu kita *tak* [tidak] *tau* [tahu] la konsep. Saya dulu blur [kabur] *je* [sahaja] belajar pun blur [kabur] *je* [sahaja] kan jadi *tak* [tidak] tahu la konsep *CGPA* [Cumulative Grade Point Average]- yang saya tahu saya kena dapatkan *three point and above* [3.0 dan ke atas]. Jadi masa saya *degree* [sarjana muda] memang saya *tak* [tidak] target *three point five* [3.5] *tapi* [tetapi] kalau dapat la- *tapi* [tetapi] *tak* [tidak] pernah dapat *less than three point* [kurang dari 3.0] *tak* [tidak] pernah sekali pun. Jadi saya *balance* [seimbang] la, sana US [United State] bukan macam Malaysia *lapan puluh sembilan- B* [89 B] *dah* [sudah] *takda* [tidak ada] A- B+ *takda* [tidak ada] *lapan puluh sembilan* [89] *dah* [sudah] B *already* [sudah] *you* [kamu] *know* [tahu]- menangis la *tujuh puluh sembilan* [79] C la *two point* [2.0] *CGPA* [Cumulative Grade Point Average] *kat* [di] sana memang sangat mencabar orang kata US [United State] senang *takda* [tidak ada] dia banyak *ongoing assessment* [penilaian berterusan] pada saya *final* [peperiksaan akhir] *tu* [itu] *tak* [tidak] kisah *dah* [sudah] kadang *final* [peperiksaan akhir] sikit *je* [sahaja] *tapi* [tetapi] memang *you* [kamu] kena *consistent* [kekalkan] la kalau *you* [kamu] *tak* [tidak]

masuk kelas habis la- cikgu selalu buat pop kuiz, kena rajin masuk kelas- kena belajar. Jadi bidang tersebut--- jadi saya ambil *TESL* [Teaching English As A Second Language]- jadi masa *tu* [itu] saya *frust* [kecewa] la *tu* [itu] *je* [sahaja] biasiswa dapat- bapa saya susah *mak* [emak] saya asyik tanya, asyik menangis mampukah saya masuk universiti dengan keadaan keluarga yang susah *nak* [hendak] masuk *Tengku Syah* [sekolah di Negeri Sembilan] pun *dah* [sudah] gadai pokok padi *ni* [ini] kan *nak* [hendak] masuk univesiti zaman *dulu* [dahulu] mana ada *PTPTN* [Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional]. Jadi kalau *nak* [hendak] masuk universiti *dulu* [dahulu] *mak bapak* [ibu bapa] kena bergadai. *Mak* [emak] saya asyik menangis- saya pun termenung sana termenung sini [ini] *nak* [hendak] masuk *UPM* [Universiti Putra Malaysia] ke *nak* [hendak] gi *oversea* [luar negara]. Jadi saya pun *nak* [hendak] masuk *UPM* [Universiti Putra Malaysia] *mak bapak* [ibu bapa] *takda* [tidak ada] duit *nak* [hendak] bayar jadi saya terima biasiswa untuk pergi *oversea* [luar negara] *tu* [itu] jadi saya beritahu *mak* [emak] saya jangan susah hati sebab kerajaan akan biaya semua jadi *mak bapak* [ibu bapa] saya *tak* [tidak] tahu pun apa kursus yang *nak* [hendak] ambil- saya cakap *TESL* [Teaching English As A Second Language]- dia *TESL* [Teaching English As A Second Language] la kalau tanya dia sokong- *mak bapak* [ibu bapa] saya orang kampung dia *takda* [tidak ada] idea. Masa saya bersedia *tu* [itu] ada seorang *uncle* [pak cik] saya *tu* [itu] yang berkerja *kat* [di] pertanian dia kata *TESL* [Teaching English As A Second Language] *tu* [itu] *enteng* [mudah]

dia kata *you* [kamu] percaya la- dia cakap *you* [kamu] pergi *TESL* [Teaching English As A Second Language] *you* [kamu] balik *you* [kamu] takkan [tidak akan] menyesal la sebab bidang mengajar bahasa inggeris *ni* [ini] sangat besar dia kata *tapi* [tetapi] memang betul la kadang-kadang betul benda yang kita tidak suka *tu* [itu] kadang-kadang *tu* [itu] bukan *tak* [tidak] baik untuk kita- saya selalu cakap *kat* [kepada] *student* [pelajar] jangan sedih- *you* [kamu] la- *you* [kamu] *tak* [tidak] dapat kursus yang *you* [kamu] *nak* [hendak] kan sebab Tuhan *ni* [ini] Maha Kaya, dia bagi ketentuan pada *you* [kamu] *tu* [itu] Dia lebih tahu. Jadi saya dulu kan pergi *oversea* [luar negara] kan selalu kawan-kawan yang ambil bisnes *ni* [ini] hina orang yang ambil *TESL* [Teaching English As A Second Language] *lekeh* [rendah taraf] la padahal belajar *TESL* [Teaching English As A Second Language] *ni* [ini] susah bagi saya- baik saya belajar matematik sebab *TESL* [Teaching English As A Second Language] *ni* [ini] subjektif sangat kalau matematik dia--- saya rasa--- sebab *tu* [itu] saya *nak* [hendak] *balance* [seimbangkan] kan otak saya *ni* [ini]- saya ambil matematik sampai orang tanya kenapa *you* [kamu] ambil sebab saya rasa matematik *ni* [ini] jawapan dia *ni* [ini]- *tu je* [itu sahaja] kan- *TESL* [Teaching English As A Second Language] *ni* [ini] banyak sangat membaca. Jadi betul la bila saya balik pada tahun *lapan puluh lapan* [88] *the best job available was teaching english* [kerja terbaik yang ada adalah mengajar inggeris]. Masa *tu* [itu] masalah ekonomi Malaysia di landa masalah- ekonomi kritikal, *bila* [apabila] di tanya banyak-banyak *tu* [itu] tahun *lapan puluh*

PMNHAM : Okay sebagaimana saya sebut ini bukan pilihan saya. Sebenarnya *nak* [hendak] jadi cikgu *tu* [itu] pun saya *tak* [tidak] minat. Saya ingat dulu- saya *ni* [ini] punya la orang kata *tak* [tidak] boleh *nak* [hendak] mengajar- saya rasa *nak* [hendak] menangis *bila* [apabila] saya kena mengajar banyak-banyak *tau* [tahu]. Tapi disebabkan *dah* [sudah] terpaksa kan jadi saya pergi ambil *TESL* [Teaching English as Second Language] *tu* [itu] memang itu *je* [sahaja] lah. Cuma kalau saya- boleh pilih sebenarnya. Masa saya duduk *dekat* [di] Shah Alam dulu ada ramai kawan-kawan yang keluar- masuk Celcom, Petronas, masuk bahagian *Human Resources* [Sumber Manusia] kan atau pun masuk- ada kawan-kawan *tu* [itu] masuk Hitachi. Tapi di sebabkan saya takut *nak* [hendak] ambil risiko kerana keluarga. Saya *ni* [ini] bukan takut *nak* [hendak] ambil risiko, bukan takut apa kan, takut- bukan takut keupayaan diri- tetapi takut saya punya kerja *tak* [tidak] terjamin di sebabkan saya *ni* [ini] di jadikan sumber. Saya *ni* [ini] jadi sumber pendapatan keluarga lah sebab saya *support my parent* [membantu ibu bapa saya]. Sampai sekarang pun saya *support my parent* [membantu ibu bapa saya]. Saya beli rumah *kat* [kepada] *my parent* [ibu bapa saya] kan. Jadi semua lah. Jadi kalau- saya takut

kerjaya saya teringat apa *nak* [hendak] bagi makan *kat* [kepada]- - -
pas tu [selepas itu] adik-adik *tu* [itu] ada kan tapi siapa *nak* [hendak]
bayar rumah *mak bapak* [ibu bapa] saya yang *diorang* [mereka]
duduk sekarang kan. Jadi *I* [saya] beli rumah untuk diri sendiri dan
juga untuk *parent* [ibu bapa]. Jadi *dua* [2] rumah kan. Saya *satu* [1].
Jadi penat juga tapi *tak* [tidak] kisah lah kan [sambil berdehem].

MSEM : Adakah puan menerima tawaran menjadi pensyarah sepenuh masa di UiTM (Universiti Teknologi Mara) atau ITM (Institut Teknologi Mara) pada ketika itu?

PMNHAM : Pada masa mula saya ditawarkan *tu* [itu] kontrak *for one year* [untuk satu tahun] tapi dia masa *tu* [itu]- *tu* [itu] lah saya mohon- macam mana yang *I* [saya] sebut tadi lah kan- saya mohon yang *lecturer* [pensyarah] skim *tu* [itu] dia suruh pergi buat *PHD* [Doktor Falsafah] lah tapi saya tolak- jadi saya mohon diserapkan sebagai *permenant* [kekal] tapi kena pergi *interview* [temuduga] lagi sekali. Jadi saya ingat masa yang--- sebenarnya kalau boleh kalau ikut hati saya sakit hati dengan *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] masa *tu* [itu], saya *tak nak* [tidak mahu] sambung dengan *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] kerja *tau* [tahu]- atas kontrak *tu* [itu]. Tapi disebabkan ada banyak, ada beberapa perkara berlaku kepada saya pada masa *tu* [itu] lah jadi saya sakit hati sangat dengan *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] masa *tu* [itu]. Jadi saya *tak nak* [tidak mahu] tapi disebabkan kalau saya masuk tempat lain kena buat *PHD* [Doktor Falsafah], kena pergi *oversea* [luar Negara], *mak* [emak]

saya *tak* [tidak] bagi. *Tak* [tidak] boleh *blame* [salahkan] *mak* [emak] kan tapi saya *ni* [ini] jenis--- dalam banyak-banyak adik beradik saya, *mak* [emak] saya kata saya lah yang paling mudah daripada dia mengandung, sampai dia beranak saya, sampai dia bela, cuma saya selalu sakit masa kecil dulu- sebab saya jenis yang *tak* [tidak] melawan cakap ibu bapa. Saya *tak* [tidak] pernah menjawab, saya *tak* [tidak] lawan, saya ikut *je* [sahaja] apa yang *diorang* [mereka] cakap kan- kalau saya *tak* [tidak] suka habis sangat saya diam *je* [sahaja] la kan. Jadi *mak* [emak] saya kata mudah lah- sampai ke besar sampai ke tua macam *ni* [ini] pun saya *tak* [tidak]- saya *tak* [tidak] lawan la, *takde* [tidak ada] la *nak* [hendak] tinggi suara apa kan. Jadi kenapa saya pilih *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] *tu* [itu] sebab *tu* [itu] lah, *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] *tak* [tidak] paksa buat *PHD* [Doktor Falsafah]. *Pas tu* [selepas itu] kahwin lah. *Pas tu* [selepas itu] bila saya *dah* [sudah] *one year tu* [satu tahun itu] saya pun *dah* [sudah] ada sesuatu berlaku. Saya jumpa- dia punya gelaran sekarang ni *TNC* [Timbalan Naib Canselor] akademik lah. Dia seorang yang sangat *strict* [tegas] tapi saya orang- *dia orang* [mereka] kata saya orang pertama yang bergaduh dengan dia. Saya bergaduh dengan dia. Tapi dia bagusnya dia *strict* [tegas], tapi bila bergaduh *tu* [itu] dia sangat professional rupanya. Orang semua takut, eh you bergaduh dengan dia *ni* [ini]. Saya kata mana saya tahu dia macam *tu* [itu] kan. Tapi saya bergaduh. *Pas tu* [selepas itu] dia--. Saya pun kata *kat* [kepada] dia. Dia tanya *nak* [hendak] apa. Saya kata okay lah, saya *nak* [mahu] *you* [awak] bagi saya tetap saya kata.

Jadi- tapi dia kata *you* [awak] kena ikut prosedur lah, pergi *interview* [temuduga], pergi lah *interview* [temuduga]. Saya pergi *interview* [temuduga] apa semua *pas tu* [selepas itu] saya pun dapat lah. Masaalah saya *tak nak* [tidak mahu] pergi buat *PHD* [Doktor Falsafah]. Dia telefon saya *kat* [di] rumah saya *tu* [itu] hari-hari. Dah la rumah saya *tak* [tidak] ada telefon. Dia kena telefon rumah cina sebelah rumah *tu* [itu] *tau* [tahu]. Cina *tu* [itu] kena panggil saya. Hari-hari dia telefon. *Lepas tu* [selepas itu] dia marah saya. Kenapa awak *tak* [tidak] ada telefon lagi *kat* [di] rumah. Saya kata *mak bapak* [ibu bapa] saya susah. Sebab *tu* [itu] kan. Jadi dia dah carikan tempat apa semua. Tapi *tak* [tidak] kan saya *nak* [hendak] bagi tahu dia *mak* [emak] saya *tak* [tidak] bagi pergi kan. Jadi masa *tu* [itu] saya mula-mula- saya mengajar dulu- saya suka sebab saya mengajar betul-betul *TESL* [Teaching English as Second Language]. Masa *tu* [itu] saya mengajar dekat PPP ya dia panggil Pusat Pendidikan Persediaan. Budak-budak kita *ni* [ini] dia *transit* [hantar]- masa *tu* [itu] saya *ni* [ini] kira semua Tuhan tolong banyak lah memudahkan saya. Masa saya mula masuk kontrak- dulu pensyarah yang bawah *KPM* [Kementerian Pelajaran Malaysia] *ni* [ini] banyak masalah *tau* [tahu] untuk *transfer* [pindah] kontrak kepada *UiTM* [Universiti Teknologi Mara]- kena jumpa menteri lah apa semua kan. Tapi saya *ni* [ini] Alhamdulillah entah macam mana- Kementerian Pendidikan minta *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] buat kerjasama dengan *UKM* [Universiti Kebangsaan Malaysia] untuk *TESL* [Teaching English as Second Language], *TESL* [Teaching English as Second

Language] *programme* [program]. Jadi *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] pun minta lah kita orang *ni* [ini] dibebaskan, dilepaskan kontrak. Jadi dengan mudahnya Kementerian- dia hantar senarai nama, jadi saya antaranya- kepada *KPM* [Kementerian Pelajaran Malaysia], *KPM* [Kementerian Pelajaran Malaysia] pun *transfer* [pindah] kontrak ke *UiTM* [Universiti Teknologi Mara]. Jadi masa *tu* [itu] bukan bawah Bahasa tapi bawah *PPP* [Pusat Pendidikan Persediaan] lah untuk *TESL* [Teaching English as Second Language]. Jadi saya mengajar *TESL* [Teaching English as Second Language] betul lah. Tapi oleh kerana (sambil ketawa) saya *ni* [ini] kahwin pada tahun *sembilan puluh* [90] *tu* [itu]- maka saya terpaksa berpindah ke *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] Machang, eh masa *tu* bukan Machang, *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] Kelantan di_. Jadi suami saya *tu* [itu] orang Kelantan, saya terpaksa lah pindah. Jadi orang kata *TESL* [Teaching English as Second Language] *tak* [tidak] ada di Kelantan. Jadi saya terpaksa lah mengajar Inggeris. Mengajar Inggeris Masya Allah dengan mengajar *Grammar* [tatabahasa] nya, benda-benda yang saya kurang suka lah. Jadi--- itu lah (sambil ketawa).

MSEM : **Bila puan mula berkhidmat sebagai pensyarah secara sepenuh masa?**

PMNHAM : Sepenuh masa. Okay saya mula masuk- Mei *lapan puluh sembilan* [89], eh *lapan puluh lapan* [88] sebagai kontrak dan saya mendaftar sebagai *permenant* [kekal] *ni* [ini] pada *dua belas* [12] Jun *sembilan*

belas lapan puluh sembilan [1989] setahun selepas *tu* [itu]. Selepas saya dipinjamkan di Perlis lah. Jadi mula-mula saya kerja *tu* [itu] *kat* [di] *PPP* [Pusat Pendidikan Persediaan], dia letak saya *dekat* [di] sini_ _ _ . *Lepas tu* [selepas itu] saya pergi merata-rata lah. *Lepas tu* [selepas itu] saya mengajar di *PPP* [Pusat Pendidikan Persediaan] *TESL* [Teaching English as Second Language] Shah Alam, *TESL* programme [program Teaching English as Second Language], dia panggil *TESL* Programme [Programm Teaching English as Second Language] Shah Alam, *lepas tu* [selepas itu] saya pindah ke Kelantan pada tahun- pada *satu* [1] Januari *sembilan belas sembilan puluh satu* [1991] (sambil berdehem)- menjadi pensyarah.

MSEM : Sebelum mendapat tawaran berkhidmat sebagai pensyarah, selepas tamat pengajian, apakah pekerjaan puan?

PMNHAM : Itu lah- terus menjadi *lecturer* [pensyarah]. Ya la yang lain *tu* [itu] *dekat* [di] *US* [United State] saya ingat_ _ .

MSEM : Boleh puan ceritakan sedikit mengenai perasaan dan pengalaman pertama kali menjadi pensyarah pada ketika itu?

PMNHAM : Saya *exactly* [sebenarnya]- *posting* [latihan kerja luar] saya patutnya mengajar *TESL* [Teaching English as Second Language], tapi pada masa sama dia panggil *SUNY Program, State University of New York Programme* [Program Universiti Negara, New York], *PPP* lah, dia panggil *Pra Preparatory Pogramme* [Program Pra Persediaan] untuk budak pergi ke New York *tu* [itu]. Dia nak *transition* [peralihan].*nak*

[hendak] tukar kepada pensyarah-pensyarah Melayu yang ajar Bahasa Inggeris. Jadi kita orang *ni* [ini] *batch* [kumpulan] pertama. Dia *nak batch* [hendak kumpulan] yang betul-betul yang ada English yang *slang* [loghat] *American slang* [loghat Amerika] [sambil membuat loghat Inggeris] (sambil ketawa). (bunyi kerusi) Jadi dia *nak* [hendak] kita orang *ni* [ini] mengajar di situ sebab macam *mat saleh* [orang asing] *ni* [ini] dia akan *monitor* [pantau] *kita orang* [kami] lah boleh *tak* [tidak] dia lepaskan terus pada orang-orang Melayu *ni* [ini] mengajar *ni* [ini]- orang Malaysia mengajar sebab *mat saleh* [orang asing] *ni* [ini] dia ada sikap *tak* [tidak] percaya yang kita *ni* [ini] boleh mengajar *macam* [seperti] dia kan. Jadi dia pun pergi lah, kena *interview* [temuduga] sikit-sikit tengok *slang* [loghat] kita *American or not* [Amerika ataupun tidak] [sambil membuat loghat Inggeris]. Jadi saya masa *tu* [itu] memang saya rasa saya punya *American slang* [loghat Amerika] sangat kuat masa mula-mula balik dulu. Jadi *tak* [tidak] ada masalah lah bila saya mula mengajar. Jadi tanya perasaan- sebenarnya okay *je* [sahaja] kan. Sebab *kat* [di] *US* [United State] kita *dah* [sudah] buat praktikal. *Student* [pelajar] *kat* [di] *US* [United State] *tu* [itu] lagi tua daripada saya, lagi tinggi lagi besar daripada saya kan. Tapi pengalaman pertama mengajar dekat *State University* [Universiti Negara] *tu* [itu] *first time* [kali pertama] saya mengajar *tu* [itu] *dekat* [di] situ lah *dekat* [di] *New York SUNY* [State University of New York], dia panggil *SUNY* [State University of New York] *Programme* [program] *tu* [itu]. Budak *engineering* [kejuruteraan]

ramai *laki* [lelaki]- budak perempuan ada *dua* [2] *tiga* [3] orang *je* [sahaja]. Budak *engineering* [kejuruteraan] *ni* [ini] lelaki dia tengok saya macam *student* [pelajar]. Jadi saya ingat masa mula saya mengajar *tu* [itu] *student* [pelajar] selalu mengurag. Jadi mula-mula saya masuk pergi *observe* [pantau] kelas *tu* [itu]. *Diorang* [mereka] siap- eh *you student* [awak pelajar] baru- eh macam *tu* [itu] lah- jadi saya ingat masa *tu* [itu] memang pengalaman mengajar saya mencabar lah sebab budak kadang-kadang *tak nak* [tidak mahu] panggil saya Cik, Miss [cik]. Dia nak panggil nama sebab dia rasa macam sama *je* [sahaja] *baya* [sebaya] dia kan. Kan kita beza masa saya mengajar *tu* [itu] saya baru *dua puluh tiga* [23] tahun- masa *tu* [itu] kan muda kan. Jadi budak-budak *ni* [ini] dia pandang kita- budak kan macam umur *sembilan belas* [19] *dua puluh* [20] kan, jadi dia rasa dia sama *je* [sahaja], dia *nak* [hendak] ajak *gi* [pergi] *dating* [temujanji], dia *nak* [hendak] keluar kan. Jadi *pas tu* [selepas itu] budak-budak *ni* [ini] bila tengok kita muda dia *nak* [hendak]- dia mencabar. Kalau yang perempuan pula dia mencabar kita. Budak-budak yang pandai English. Dia orang *ni* [ini] pandai English. Dia orang *ni* [ini] *the cream of the clock* [yang terbaik] yang dipilih *ni* [ini]. Tengok the_ dia *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] *top* [terbaik] lah kan. Jadi dia mencabar- budak perempuan *ni* [ini] dia mencabar- kita rasa tercabar. Dia rasa dia pandai kan dia cabar kita. Ha macam *tu* [itu] lah. Saya ingat mengajar *kat* [di] situ memang budak-budak dia suka cabar *lecturer* [pensyarah]. Budak *laki* [lelaki] *ni* [ini] pula dia pandang macam *tu* [itu] pula kan (sambil berdehem).

- MSEM** : **Bagaimana suasana ITM pada masa ketika pembabitan puan sebagai seorang pensyarah berbanding kini?**
- PMNHAM** : Saya *ni* [ini] masa duduk *kat* [di] *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] *ni* [ini]- saya *tak* [tidak] pernah duduk yang *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] Shah Alam yang besar kampus kan- atau pun Machang pun besar. Dulu saya *start* [mula] dengan *SUNY* [State University of New York] *whereby student* [yang mana pelajar] *tak* [tidak] ramai- jadi *kita orang* [kami] macam *close* [rapat]. *We had close relationship* [kami ada hubungan yang rapat] dengan *lecturer* [pensyarah]- dengan *student* [pelajar]. Tapi bila saya balik semula mengajar *kat* [di] *TESL* [Teaching English as Second Language] pun macam *tu* [itu]. Dia *tak* [tidak] besar sangat kan jadi *kita close relationship* [hubungan yang rapat] dengan *student* [pelajar] dengan *lecturer* [pensyarah]. Tapi saya ingat *satu* [1] *je* [sahaja]- saya *start* [mula] aktif sebagai fasilitator program *ni* [ini] masa saya mula mengajar lagi pada tahun *lapan puluh lapan* [88] *tu* [itu] saya *dah* [sudah] suka aktif. Sebab saya rasa bila *student* [pelajar] kita aktif, kita kerja- kita *tak* [tidak] boleh duduk diam kan. Jadi saya rasa saya aktif la- bila pertama kali saya pergi Perlis pun, saya pun- walaupun saya dipinjamkan selama *enam* [6] bulan, saya aktif juga. Saya main *netball* [bola jaring] walaupun orang Perlis banyak mengumpat pasal saya masa *tu* [itu], saya *ni* [ini] memang jadi bahan umpat *je* [sahaja] la mungkin sebab saya lain tapi *tak* [tidak] *tau* [tahu] kenapa- hidung lain ke, *tak* [tidak] *tau* [tahu] la kan. Tapi di Perlis *tu* [itu] mungkin sebab orang sukakan saya *ni* [ini], orang *tak* [tidak] boleh terima kan.

Tapi bila saya aktif dengan aktiviti *student* [pelajar] dan juga aktiviti staf *ni* [ini], baru lah orang ubah persepsi. Masa *tu* [itu] juga bila saya datang ke Kelantan kan, saya daripada mula datang *tu* [itu] saya tengok *bestnya* [terbaiknya] kan. Kelantan *tu* [itu] kecil kan. Kita *close* [rapat] dengan *student* [pelajar]. Saya aktif *tau* [tahu]. Saya daripada mula saya datang Kelantan lagi saya proaktif dah- sampai sekarang. Jadi sampai sekarang *ni* [ini] kalau saya *tak* [tidak] buat apa-apa *tu* [itu] saya rasa macam bodoh *je* [sahaja] saya rasa. Tapi cuma sekarang *ni* [ini] saya rasa penglibatan saya dengan pelajar *dah* [sudah] kurang lah. Dulu saya sangat banyak program dengan *student* [pelajar] dan saya ingat kalau kita buat program *tu* [itu] *impact full* [memberi kesan penuh] lah. Jadi- saya *tak* [tidak] boleh duduk diam lah *kot* [mungkin]. Jadi saya ingat dulu walaupun anak kecil ke- baby ke- malam pun saya angkut *je* [sahaja] *tau* [tahu]. Jadi *tak* [tidak] boleh *tak* [tidak] aktif lah. Daripada saya mula kerja sampai sekarang.

MSEM : Selain mahir dalam bahasa Inggeris, adakah puan turut mahir berbahasa dalam bahasa lain?

PMNHAM : *Takde* [tidak ada]. Bahasa Melayu dan Bahasa Ingeris lah. Cuma kalau Siam *tu* [itu] sikit-sikit sebab *mak* [emak] saya punya keluarga *tu* [itu] dia cakap Siam kan. Kalau pergi keluarga belah *mak* [emak] saya *tu* [itu] *dia orang* [mereka] cakap Siam. Jadi saya tahu sikit-sikit tapi *tak* [tidak] mahir lah.

- MSEM** : Pensyarah turut digelar sebagai ahli keluarga sendiri. Apa pandangan puan? Maknanya hubungan antara pensyarah dengan pelajar.
- PMNHAM** : Maksud *you* [awak]? Saya *belief* [percaya] macam *tu* [itu] la. Saya daripada muda sampai ke tua. Sebab *tu* [itu] dulu apabila--- contoh masa saya muda- saya tidak pernah ada *affair* [hubungan sulit] *kat* [di] tempat kerja walaupun ada juga orang *ngorat* [mengurat] kan sebab saya rasa itu keluarga saya. Sebab saya *first* [pertama]_ keluarga kita--- saya datang daripada keluarga yang besar- suka keluarga saya besar kan, sepupu, dan kita sangat rapat dan kita sendiri sama-sama kita *tak* [tidak] *ngorat* [mengurat] *tau* [tahu]. Kita *tak* [tidak] *ngorat* [mengurat] sepupu, *tak* [tidak] *ngorat* [mengurat]- sedara mara *tak* [tidak] *ngorat* [mengurat] *tau* [tahu], *tak* [tidak] mengusik- *tak* [tidak] pernah apa. Jadi kita orang besar *ni* [ini] dibesarkan sebagai adik-beradik yang sangat rapat. Jadi saya--- itu pandangan saya dengan pensyarah, sama-sama pensyarah *ni* [ini] saya anggap sama-sama staf, pensyarah *ni* [ini] ialah keluarga saya yang saya *tak kan* [tidak akan] tikam mereka daripada belakang sebab saya ingat ada sekali *tu* [itu] saya pernah cuba di- ada- beberapa orang cuba *influence* [mempengaruhi] saya untuk tikam belakang seorang pensyarah lain. Saya bagitahu pensyarah *ni* [ini], saya anggap semua *dekat* [di] kalangan saya *ni* [ini] di- Allah Huakbar, saya rasa *tak* [tidak] perlu lah, tapi pensyarah *tu* [itu] *dah* [sudah] *tak* [tidak] ada *kat* [di] sini ya. (bunyi kereta) Saya kata saya *ni* [ini] walau saya rapat, *tak* [tidak] rapat dengan orang tempat kerja

saya, saya anggap mereka *tu* [itu] *sedara* [saudara] saya. Dan sekiranya saya buat suatu *tak* [tidak] elok pada mereka *tu* [itu] maknanya saya telah menganiaya *sedara* [saudara] saya sendiri. Tapi orang *tak* [tidak] nampak kita macam *tu* [itu] kan. Bila kita *tak* [tidak] cuba nak aniaya keluarga--- tapi macam *tu* [itu] juga *student* [pelajar]. Sebab *tu* [itu] bila dulu *student* [pelajar] *ngorat* [mengurati] saya, saya *tak* [tidak] boleh terima. Sebab saya anggap *student* [pelajar] *tu* [itu] macam anak saya. Anak didik saya kan, orang yang kita didik. Saya bagi tahu *student* [pelajar], saya- *satu* [1] apabila saya nampak- walaupun saya muda, saya dulu__ sebab masa dulu ramai *student* [pelajar] yang tua daripada saya pun- jadi saya nampak *student* [pelajar] *tu* [itu] macam orang yang kita didik kan, kita tunjuk ajar, jadi *tak kan* [tidak akan] la saya nak *ngorat* [mengurati] *student* [pelajar] kan. Saya *tak* [tidak] terasa *nak* [hendak]- mungkin-macam sukanya *I* [saya] tengok budak *ni* [ini]. Sukanya. Masa saya muda dulu kan *of course* [sudah tentu] la kita orang muda kan. Sukanya tengok budak *ni* [ini]. Tapi *tak* [tidak] ada sampai saya ada timbul perasaan *nak* [hendak] jatuh cinta dengan pelajar atau pun staf. *Takde* [tidak ada]. Sebab *tu* [itu] bila orang buat fitnah kadang-kadang orang cerita saya keluar dengan staf *ni* [ini]. Fitnah *je* [sahaja] la kan sebab saya *takkan* [tidak akan]- masa *tu* [itu] la saya-prinsip saya susah saya *nak* [hendak] jalinkan hubungan sesama senior lah apatah lagi dengan *student* [pelajar] kan. Sebab saya ingat dulu *student* [pelajar] kan boleh buat cerita- dia *dating* [temujanji] dengan saya la, buat fitnah kan- sampai jadi *satu* [1] isu yang besar

masa saya *kat* [di] *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] Perlis. Saya pelik la budak boleh buat cerita. Masa *tu* [itu] datang kan merayurayu supaya terima. Saya rasa *tak* [tidak] masuk akal lah. Sebab saya- rasa prinsip saya *ni* [ini] lain lah *kot* [mungkin]. Susah nak--- student kan. Tapi saya cakap la- ada seorang *student* [pelajar] *tu* [itu] dia suruh saya tunggu dia- saya kata *gini* [macam ini] lah- mungkin sekarang dia *dah* [sudah] jadi *engineer* [jurutera] ke apa entah lah. Saya kata *kat* [kepada] dia *gini* [macam ini] lah, *you* [awak] pergi dulu *you* [awak] belajar dulu *you* [awak] kerja dulu *you* [awak] berjaya dulu kalau saya *available* [ada] tengok lah. Tapi *takde* [tidak ada] la pula kan. Saya pun *dah* [sudah] ada *boyfriend* [teman lelaki] masa *tu* [itu] kan. Jadi begitu lah maknanya saya punya prinsip saya dengan *student* [pelajar] dengan--- sebab sekarang *ni* [ini] kan bila kita tengok *tiap-tiap* [setiap] hari ada, *tiap-tiap* [setiap] minggu ada berita mengenai *student* [pelajar] meninggal [sambil menunjuk berita dalam komputer]. Kita punya sistem kan dia akan masuk dalam kita punya e-mail. Macam baru *ni* [ini] ada budak *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] *dua* [2] orang meninggal. *You* [awak] tahu perasaan saya- walaupun saya *tak* [tidak] mengajar- saya *tak* [tidak] kenal pun budak *tu* [itu] tapi *any student* [mana-mana pelajar] dalam sistem *ni* [ini] ialah macam anak saya, sedih *tu* [itu] terasa *tau* [tahu]. Rasa sedih kalau apa-apa yang berlaku *kat* [kepada] anak-anak murid saya *tu* [itu]- saya balik saya rasa sedih- sebab saya rasa itulah perasaan saya kan terhadap pelajar dan juga staf.

- MSEM** : Adakah para pelajar puan selalu bersemuka dan menyuarakan masalah mereka kepada puan?
- PMNHAM** : Sekarang *ni* [ini] kurang la kenapa eh. Tapi saya ingat masa saya mengajar diploma dulu- daripada dulu eh, daripada dulu-dulu saya mula mengajar, *student* [pelajar] suka datang jumpa saya cerita masaalah mereka semua kan. Saya sebenarnya bukan seorang kaunselor yang baik. Saya--- tapi mungkin pelajar selesa *kot* [mungkin]. Saya rasa *bila* [apabila] saya kaunseling *I'm not very good* [saya tidak bagus] lah. *Tapi* [tetapi] cuma mungkin mereka rasa saya boleh *empathize* [menjiwai] lah, saya boleh *empathy* [bersimpati] kan dengan mereka jadi saya ingat dulu memang selalu *student* [pelajar] cerita lah masaalah cinta pun, *diorang* [mereka] bercerita kan, jadi saya boleh faham orang__ _ kan. Mungkin *student* [pelajar] rasa saya boleh faham dan saya faham pun, *pas tu* [selepas itu] dia kata- *madam* [puan] saya jatuh cinta. Saya *tak* [tidak] salahkan *student* [pelajar] sebab memang naluri *tu dah* [itu sudah] ada kan, sebab *tu* [itu] saya bagi tahu anak saya- dulu kan dia *tak* [tidak] percaya cinta dia kata- lelaki yang sulung *tu* [itu] kan sekarang dia umur *dua puluh* [20]. Saya kata *I'm willing to wait for you until you turn eighteen* [saya sanggup tunggu sehingga awak berumur lapan belas]. *You* [awak] punya persepsi terhadap hubungan akan berubah. Tapi memang betul sekarang dia umur *dua puluh* [20]- memang dia *dah* [sudah] kata nak [hendak] bercinta, sebab naluri *tu* [itu] Tuhan bagi kan. Jadi saya ingat dulu memang selalu *student* [pelajar] datang jumpa bercerita. Budak lelaki la budak

perempuan la kan. Saya pun suka dan saya dulu memang rapat dengan *student* [pelajar]. Saya selalu buat makan-makan, *student* [pelajar] pergi rumah masak apa semua kan. Jadi sekarang *ni* [ini]-mungkin budak-budak *degree* [sarjana muda] *ni* [ini] *kot* [mungkin] dia *dah* [sudah] *matured* [matang] kan dia malu *nak* [hendak] berjumpa- *nak* [hendak] bersembang kan. Jadi kurang la lagi pun mungkin saya tidak begitu *convenient* [menyelesaikan]. Tapi bila saya *ngajar* [mengajar] budak *degree* [sarjana muda] saya rasa lain lah. Budak *degree* [sarjana muda] kurang sikit menceritakan masalah kepada saya kan. Mungkin dah [sudah] *matured* [matang] *kot* [mungkin]. Ada *boyfriend* [teman lelaki] ada *girlfriend* [teman wanita]_ _ _ _ _ (sambil berdehem).

Bahagian D : Aspek Kemahiran dan Pendapat

MSEM : Bagaimanakah penerimaan pelajar terhadap proses pembelajaran dan pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa ke-dua [2] pada ketika itu serta perbandingannya pada masa sekarang?

PMNHAM : Dulu dan sekarang. Saya *tak* [tidak] tahu la *student* [pelajar] eh [sambil ketawa]. Itu atas *student* [pelajar] menilai *tapi* [tetapi] kalau saya tengok *SUFO* [Student Feedback Online] *tu* [itu] Alhamdulillah lah. *SUFO* [Student Feedback Online] punya *assessment* [penilaian]. Saya cuma- tidak la realitik sebab saya punya prinsip ialah saya masuk mengajar bukan untuk *student* [pelajar] suka saya atau jatuh

cinta ke suka ke sayang ke kan. Saya punya prinsip ialah *for you learn* [untuk awak belajar]. Saya *tak* [tidak] kisah pun *student* [pelajar] suka ke *tak* [tidak] suka ke itu *diorang* [mereka] lah kan. Saya tidak cuba *nak* [hendak] ambil hati *student* [pelajar] dengan macam-macam lah *tak* [tidak] *tau* [tahu] lah apa saya *tak* [tidak] tahu.

MSEM : Macam mana dengan pembabitan mereka dalam kelas?

PMNHAM : Entah lah. saya tengok ada atas *student* [pelajar] la *kot* [mungkin]. *Some class* [beberapa kelas] *tu* [itu] dia *very* [sangat] aktif. Macam contoh saya mengajar pelajar *IM* [Information Management] dulu diploma kan. Kelas *IM* [Information Management] ni [ini] dia aktif *tau* [tahu]. Mungkin dia sebenar atas *student* [pelajar]- macam kita sini sama-sama *lecturer* [pensyarah] pun kita tahu kan kalau budak *accounting* [Akaun] dia kurang aktif sebagai pelajar dalam kelas. Kalau budak *business* [Perniagaan] aktif dalam kelas. Macam *tu* [itu] juga macam saya tengok budak *IM* [Information Management], *you all* [kamu semua] *IM* [Information Management] kan, *IM* [Information Management] lebih aktif banding dengan budak *accounting* [Akaun]. Tapi budak *accounting* [Akaun] dia lebih serius. Kalau kita bagi *assignment* [tugasan] dia buat. Dia *take thing seriously* [ambil serius]. Cuma kurang *participation* [penyertaan]. Kalau kita tanya diam *je* [sahaja] kan. Tapi memang itu *some-some* [sesetengah] pensyarah kita *dah tau* [sudah tahu]. Kalau personaliti pelajar-pelajar *ni* [ini] kadang-kadang mengikut program yang

mereka *ni* [ini] ambil. Macam contoh kalau kita mengajar budak *accounting* [Akaun] dengan *Business* [Perniagaan]. Kadang-kadang *lecturer* [pensyarah]- dia lebih suka mengajar budak *accounting* [Akaun] sebab *diorang* [mereka] serius. _ _ _ Tapi sesetengah *lecturer* [pensyarah] dia *tak* [tidak] suka sebab mereka terlalu serius. *Tak participate* [tidak menyertai] kan. Jadi--- tapi sepanjang _ _ Dr. Ghazali saya selalu sebut lah saya suka mengajar budak *IM* [Information Management] sebab *diorang very* [mereka sangat] apa-*tak* [tidak] tahu kenapa. Tapi _ aktif macam *your group* [kumpulan kamu] bila saya bagi *assignment* [tugasan] terus buka- *very serious and take thing seriously* [sangat serius dan mengambil serius].

MSEM : Selama bergelar pensyarah di dalam bidang bahasa, apakah pengalaman manis dan pahit yang tidak dapat di lupakan oleh puan?

PMNHAM : Pengalaman manis banyak la kan sebab saya suka *student* [pelajar] kan sebab saya rasa macam anak-anak sebab saya anak pun sikit *je* [sahaja]- tiga orang *je* [sahaja] kan. Sebenarnya orang *tak* [tidak] tahu saya suka, saya *tak* [tidak] suka mengajar sebab saya rasa mengajar *tu* [itu] penat sangat bercakap kan. Penat *tau* [tahu]- mengajar *ni* [ini] penat. *Tapi* [tetapi] saya rasa yang membuatkan saya *look forward* [pandang ke depan] lagi ialah *student* [pelajar]. Tapi kalau *student* [pelajar] buat perangai- siapa-siapa- *you* [awak] tanya pun *lecturer* [pensyarah] dia *tak* [tidak] ambil *forward* [ke depan] lah kan. Jadi *things that* [perkara] yang membuatkan- perkara

yang membuatkan saya suka masuk kelas ialah pelajar. Macam pelajar juga kan dia suka kerana *lecturer* [pensyarah] kan. Jadi kadang-kadang saya *tak* [tidak] suka masuk kelas sebab pelajar juga. Kalau kelas *tu* [itu]--- *tapi* [tetapi] masa saya mengajar *degree* [sarjana muda] *ni takde* [ini tidak ada] la pula kelas yang saya *tak* [tidak] suka. Tapi masa mengajar diploma dulu- kena budak-budak *dua* [2] *tiga* [3] orang *rude* [biadab]- *attendance problem* [masalah kedatangan] kita pun rasa macam- alah masuk kelas- *tak* [tidak] suka kan. Jadi pengalaman manis *tu* [itu] banyak la macam contoh bila saya datang Kelantan *ni* [ini] saya *initiated* [memulakan] pidato didik *group* [kumpulan] *ni* [ini]- saya yang *initiated* [mulakan]- dulu saya datang- *diorang* [mereka] macam *anak ayam* [tidak ada hala tuju] *je* [sahaja]- *takde* [tidak ada] orang yang *really* [betul-betul] jaga kan- saya jaga *diorang* [mereka]. *Pastu* [selepas itu] budak-budak *nak* [hendak] buat pantun *takde* [tidak ada] orang jaga- saya jaga juga. Budak nak buat pidato saya_ *takde* [tidak ada]- jaga juga. Jadi saya- masa saya *initiate* [memulakan] debat, pidato, pantun *ni* [ini] kan. Jadi [sambil berdehem] macam-macam lah- macam-macam pengalaman pahit manis. Saya ingat dulu dengan budak *debate* [debat] *ni* [ini] kita sangat *close* [rapat]. Sampai *to the* [kepada]_ ada budak-budak lembut- berebut-rebut *nak* [hendak] masuk jadi budak-budak saya *ni* [ini] kan. Tapi saya ingat ada *sorang tu* [seorang itu]- sedih la saya bercerita *ni* [ini]- sedih. Entah macam mana dia menghilangkan diri. Padahal dia *tu* [itu] sangat-sangat bagus *tau* [tahu]. *Pas tu* [selepas itu] kawan-kawan *ni* [ini]

walaupun *diorang ni* [mereka ini] yang budak-budak *laki* [lelaki] yang *macho* [kacak] *ni* [ini]- walaupun nampak *dia orang* [mereka] selalu kutuk- jumpa selalu kutuk *ni* [ini] kan- *tapi* [tetapi] *diorang* [mereka] pergi cari *tau* [tahu]- cari, *diorang* [mereka] cerita *kat* [kepada] saya- memang *kita orang* [kami] menangis lah. Rupa dia *tu* [itu]- dia *dah* [sudah] pakai macam perempuan *kat* [di] *KL* [Kuala Lumpur] sana kan. Itu antara benda yang saya *tak* [tidak]- sampai sekarang saya *tak* [tidak] boleh lupa. Macam mana *student* [pelajar] *tu* [itu] boleh hilang dia punya semangat *nak* [hendak] belajar- dia hilang macam *tu* [itu] *saja* [sahaja] daripada *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] kan. *Pas tu* [selepas itu] kawan-kawan yang boleh yang saya--- padahal masa debat *ni* [ini]- budak berdebat saya bergaduh dengan budak pantun- budak pantun lembut. Dia--- *tapi* *diorang* [tetapi mereka] pergi cari *tau* [tahu]. Budak-budak debat saya *ni* [ini]. Masa *tu* [itu] tahun--- masa *kita orang kat* [kami di] kampus_ *kita close* [rapat] kan. (sambil berdehem) *Dia orang* [mereka] pergi cari bawa balik- bukan bawa balik- *tak* [tidak] boleh bawa balik- pujuk *tak nak* [tidak mahu]- dia lari pun. Jadi saya sampai sekarang saya teringat-ingat lah. Sebab *student* [pelajar] *ni* [ini]- saya sebenarnya pengalaman manis saya banyak la dengan *student* [pelajar] la kata kan. Saya tengok *student* [pelajar] yang berjaya- *student* [pelajar] yang gagal- macam ada *sorang* [seorang] *student* [pelajar] *tu* [itu] *tiap-tiap* [setiap] kali datang jumpa saya menangis. Tapi_ *CGPA* [Cumulative Grade Point Average] dia *tu* *tak* [itu tidak] pernah *less* [kurang] dari *three point five* [3.5] dan

saya rasa macam- *I* [saya] belajar- *I learn from the student* [saya belajar dari pelajar] saya kenal okay. Pengalaman pahit- pengalaman pahit- *student I* [pelajar saya] *tak* [tidak] *nak* [mahu] terima lah- macam contoh kita ajar Bahasa Inggeris- dia rasa Inggeris- *ni tak* [ini tidak] penting kan. *Tak* [tidak] datang kelas *tak* [tidak] *nak* [mahu] belajar *tapi* [tetapi] dapat A juga- itu saya *tak* [tidak]- saya rasa antara benda yang saya *tak* [tidak] suka lah.

MSEM : Apa pula cabaran yang dihadapi selama berkhidmat sebagai pensyarah bahasa Inggeris atau BEL ini?

PMNHAM : Saya rasa cabaran *ni* [ini]- ialah *to make the student improve their English* [membuat pelajar memperbaiki English mereka]- sebab *student* [pelajar] saya- saya *tak* [tidak] faham la kenapa- masa *kat* [di] *US* [United State] dulu pun bila saya- kita buat perbandingan kan- *how many years did you learn English in school* [berapa tahun awak belajar English di sekolah]. Kita kata *kat* [di] *Malaysia ni* [ini] sekurang-kurangnya *eleven years* [sebelas tahun]. *Diorang* [mereka] terkejut *tau* [tahu] dengan *eleven years* [sebelas tahun], kumpulan *ni* [ini]_ *should be proficient* [sepatutnya mahir]- *diorang* [mereka] cakap *in English* [dalam English]. Tapi *student* [pelajar] yang datang *kat* [ke] tempat kita *ni* [ini] *they are not proficient* [mereka tidak mahir]. *Tapi* [tetapi] saya rasa bukan *tak* [tidak] *proficient* [mahir]- *you all ni lack of confidence with the language* [awak semua kurang keyakinan dengan bahasa ini]. *I think so* [saya fikir begitu]. *You are not confident* [awak tidak yakin]. Macam budak Cina *ni* [ini] *diorang*

bantai je [mereka bercakap juga] kan padahal *grammar* [tatabahasa] terabur juga. *Tapi* [tetapi] saya rasa cabaran *is to make the student feel good to speak the language* [membuatkan pelajar berasa selesa menggunakan bahasa]. *I think that the most* [saya rasa itu yang paling]- smpai sekarang *ni* [ini] cabaran- *the hurdle is so difficult to overcome* [halangannya sangat sukar diatasi] lah. Saya rasa- *tak* [tidak] tercapai *tau* [tahu]. Macam mana saya dekat *PPP* [Pusat Pendidikan Persediaan] dulu- *PPP* [Pusat Pendidikan Persediaan] dulu, program dulu kan- budak cakap Inggeris *je* [juga]. Senang *je* [sahaja]- rasa macam *best* [terbaik] *je* [juga] *ngajar* [mengajar] Inggeris. Tapi kalau saya buat aktiviti- *kita orang* [kami] dulu kena aktiviti *je* [sahaja]- dia *mat saleh* [orang asing] punya *style* [cara] belajar aktiviti kan. Masuk buat aktiviti apa-apa budak-budak buat- dia cakap la apa-apa *because* [sebab] *diorang* [mereka] dah memang_ English. *They have to use English because they want to go to US* [mereka terpaksa gunakan English kerana mahu pergi ke United State] kan. *Tapi* [tetapi] bila *kat* [di]- datang Kelantan, *so you* [jadi awak]- pergi Perlis, datang Kelantan *ni* [ini] Ya Allah buat aktiviti kadang-kadang budak *nak* [hendak] buat *tak* [tidak] buat. Itu lah cabaran yang saya rasa sampai sekarang lebih daripada *dua puluh* [20] tahun mengajar *ni* [ini] yang masih belum saya capai lah.

- MSEM** : Apa pandangan puan tentang pelajar pada masa dahulu ketika di ITM [Institut Teknologi Mara] dan sekarang di UiTM [Universiti Teknologi Mara]?
- PMNHAM** : Saya ada bercakap dengan beberapa kawan yang *dah* [sudah] lama macam saya kan. Dulu kita punya *syllabus* [sukatan pembelajaran] kan banyak *assessment* [penilaian] *tau* [tahu]. Tapi rasanya macam sempat *je* [juga]. Macam ada drama, ada *story telling* [bercerita], ada *role play* [berlakon]- ada debate [perbahasan] kan. Jadi pelajar kita- nampak dia punya *progress* [perkembangan]. Sekarang *ni* [ini] *less assessment* [kurang penilaian]. Tapi macam masa *tak* [tidak] cukup. Sebab apa saya pun *tak* [tidak] faham. Tapi kalau kita tengok dulu *student* [pelajar]- dulu *after* [selepas] *satu* [1] *level* [tahap] *tu* [itu] dia dapat la *overcome* [atasi] dia punya *hurdle* [rintangan] atau pun *obstacle* [halangan] *nak* [hendak] belajar Inggeris tadi kan. Sebab saya rasa banyak- banyak *asesment* [penilaian] dari segi- lebih kepada *speaking* [bercakap] lah. Sekarang *ni* [ini] saya rasa macam kurang sikit *kot* [mungkin]. Macam saya tengok- *presentation skill* [kemahiran pembentangan] pun *dua* [2] *je* [sahaja]. Ingat dulu *tiga* [3] sekurang-kurang. Saya suka lagi banyak lagi bagus sebab kalau boleh *lepas* [selepas] periksa *you* [awak] *tak payah ngajar* [tidak perlu mengajar] la teori-teori *ni* [ini]. Macam saya dulu kan pergi ambil *Public Speaking course* [kursus pengucapan awam] *tu* [itu], masuk *tu* [itu] *tiap-tiap* [setiap] minggu kena *present* [membentang]. *Lecturer* [pensyarah] *tak ngajar* [tidak mengajar] sangat pun benda-benda macam *ni* [ini] kan. Tapi *last-last* [akhir] sekali *tu* [itu] kita

cepat la kan. Tapi saya rasa kalau boleh biar cakap banyak sikit.
Banyak bercakap.

MSEM : Pada pandangan puan, wujudkah perbezaan yang ketara di antara penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar dahulu dan sekarang?

PMNHAM : Macam saya bagi tahu *je* [sahaja] tadi, sebab *tu* [itu] saya rasa--- *actually* [sebenarnya] penguasaan Bahasa Inggeris *ni* [ini] sebenarnya kalau ikutkan budak sekarang patut lagi pandai Inggeris sebab *you* [kamu] punya *exposal to Inggeris is more* [pendedahan terhadap Inggeris adalah lebih]- internet la, *tv* [televisyen] apa semua kan. Jadi budak sekarang *ni* [ini] dia *tak* [tidak] la kata *weak* [lemah], atau pun terlalu- *excellent* [cemerlang] *tu* [itu] pun ada la kan. *Nak* [hendak] kata_ dulu kalau *weak* [lemah] *tu* [itu] *weak* [lemah] betul lah. Kalau kita cakap Inggeris kan dia dengar *je* [sahaja]- faham tidak. Tapi rupanya ada lagi- budak pra. Pra sekarang *ni* [ini] macam *tu* [itu] lah. Tapi Alhamdulillah saya *tak ngajar* [tidak mengajar] budak pra- sebab saya rasa saya *tak* [tidak] mampu *kot* [mungkin] *dah* [sudah] *nak* [hendak] mengajar budak-budak pra yang *dah* [sudah] macam *tu* [itu]. Lagi-lagi budak-budak muda lah dia lebih tahan *kot* [mungkin] dengan perkara-perkara macam *tu* [itu] kan. Jadi saya rasa penguasaan Bahasa Inggeris sepatutnya lebih baik. Tapi saya *tak* [tidak] tahu la *reality* [keadaan sebenar] dia macam mana kan.

- MSEM** : Apakah perbezaan yang paling ketara yang puan nampak yang berlaku dalam bidang bahasa Inggeris di UiTM [Universiti Teknologi Mara] pada masa sekarang berbanding dulu?
- PMNHAM** : Yang *ni* [ini] *I* [saya] *tak* [tidak] nampak- *tak* [tidak] paham la apa dia. Bidang Bahasa Inggeris. Itu la macam yang saya sebut tadi. Dulu dia banyak *assessment* [penilaian] kan yang budak kena cakap kan. Sekarang kurang- kenapa eh?
- MSEM** : Wujud sebilangan besar pelajar yang lantang berkata-kata dalam bahasa kebangsaan Malaysia mahupun bahasa ibunda masing-masing namun bila kemahiran Inggeris, lidah mereka jadi terkelu malah malu serta putus asa, komen puan?
- PMNHAM** : (sambil ketawa) Okay kalau *I* [saya] tanya *you* [awak], kenapa *you* [awak] rasa susah *nak* [hendak] cakap. (bunyi kerusi)
- MSEM** : Rasanya malu dan kurang confident.
- PMNHAM** : Ya la sebab saya tanya *student* [pelajar]- *satu* [1] dia *lack vocabulary* [kurang kosakata]- dia *nak* [hendak] cakap *tu* [itu]- *pas tu* [selepas itu] *keduanya* [ke-2] dia takut buat salah. *Tiga* [3] dia takut orang ketawa bila dia buat salah kan. Jadi saya rasa sebenarnya- *student* [pelajar] *ni* [ini] dia kena *overcome* [atasi] *tu* [itu]- *confident* [yakin] *je* [sahaja]. Saya ingat dulu pergi *US* [United State] Ya Allah. *You* [awak] *tak* [tidak] pergi *US* [United State]- *kat* [di] Malaysia *je* [sahaja]. Patutnya sama-sama *you* [awak]- *you* [awak] patut lebih terbuka untuk bercakap dalam Bahasa Inggeris kan. Cuma *satu* [1]

saya rasa bukan saja *you* [awak] *tak nak* [tidak mahu]- *you* [awak] kurang_ Bahasa Inggeris sebab *environment* [persekitaran] tidak membenarkan *you* [awak] sebab contoh *kat* [di] Kelantan *ni* [ini] *you* [awak] cakap Inggeris *je* [sahaja] orang asyik- *biru biji mata* [menjeling dan mengata] kan, saya pun selalu kena kutuk cakap Inggeris. *Lepas tu* [selepas itu] dia takut *branding* [diselar]. Kedua [ke-2] nya memang *you* [awak] pun *lack of vocabulary and lack of practice* [kurang kosa kata dan kurang latihan]. Disebabkan *of lack of practice lack of vocabulary* [kurang latihan dan kurang kosakata]. Bila *lack* [kurang] kedua-dua *ni* [ini] jadi *lack of confident* [kurang keyakinan] lah. Itu yang berlaku. Jadi fasih dalam_ dan bahasa ibunda *ni* [ini] biasa lah kita kena fasih kan. Tapi saya percaya kita kena juga fasih dalam Bahasa Inggeris lah sebab itu *dah* [sudah] terpaksa *nak* [hendak] buat macam mana kan.

MSEM : Bagaiman pula pandangan puan terhadap masih wujud sebilangan besar graduan universiti yang masih sukar untuk berbahasa Inggeris sehingga sukar mendapat kerja?

PMNHAM : Saya rasa macam propaganda *aje* [sahaja] (sambil ketawa). (bunyi kerusi) Saya sebenarnya kan *bila* [apabila] saya tengok *student* [pelajar]- *bila* saya *interview* [temuduga] *tak* [tidak] ada la sampai *tak* [tidak] reti bercakap Bahasa Inggeris kan. Sebab *tu* [itu] saya kan *bila* orang kata *Malay graduate not fluent* [graduan Melayu tidak fasih]- kita *nak* [hendak] *fluent* [fasih] macam mana lagi. Bagi saya, saya pernah berjumpa- ada *somebody from* [seseorang dari]- dia kata

dia cari *student* [pelajar] untuk buat praktikal. Dia *call* [telefon] daripada *Oil and Gas Company* [syarikat minyak dan gas], *Chinese call me* [orang China telefon saya]. *He called me from Oil and Gas Company* [dia telefon dari syarikat minyak dan gas], dia cari *student engineering* [pelajar kejuruteraan] yang boleh buat *tiap-tiap* [setiap] daripada *sem one* [semester 1] sampai *grad* [tamat belajar] *ni* [ini] *tiap-tiap* [setiap] semester cuti *je* [sahaja] pergi kerja dengan *diorang* [mereka]- supaya bila habis *grad* [tamat belajar] esok- dia macam budak *ni* [ini] *bila* [apabila] dia belajar dia akan pergi masuk kerja bila cuti kan. So bila *grad* [tamat belajar] dia akan terus kerja dengan *company* [syarikat] *tu* [itu]. *Diorang* [mereka] akan *train* [latih] dia daripada awal. Tapi saya kata *unfortunately* [malangnya] *kat* [di] *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] Kelantan *tak* [tidak] ada- jadi saya *refer* [rujuk] *dekat* [kepada] *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] Shah Alam. *Tak* [tidak] *tau* [tahu] *diorang* [mereka di] Shah Alam ambil ke tidak. Tapi itu *satu* [1]_ *tapi* [tetapi] Ya Allah China *ni* [ini] cakap saya *tak* [tidak] faham pun dia cakap Inggeris bunyi Cina- *tapi* [tetapi] dia cakap *je* [sahaja] Inggeris. Tapi kenapa dia diambil bekerja. Jadi saya rasa macam satu propaganda *je* [sahaja] orang kata *Malay graduate are not fluence in English* [graduan Melayu tidak fasih dalam English]. Sebenarnya saya berjumpa ramai orang daripada industri- Indian okay memang *diorang* [mereka] *fluence* [fasih], *dekat* [dalam] *satu* [1] kajian menunjukkan bahawa India *ni* [ini] dia memang- penggunaan Bahasa Inggeris dia lebih tinggi daripada orang Cina dengan Melayu. Nombor *dua* [2] orang Cina

ketiga [ke-3] orang Melayu. Jadi- Cina pun saya dengar alamak *koyak-rabak* [teruk] English saya dengar- *tapi* [tetapi] dia bercakap *je* [juga]. Sebab *tu* [itu] saya rasa macam *satu* [1] propaganda *je* [sahaja] mengatakan bahawa *Malay graduate ni tak fluent* [graduan Melayu ini tidak fasih]. Mungkin ada *tapi* [tetapi] tidak ramai sebab saya ada mengajar kelas *interview* [temuduga] kan untuk budak *accounting* [akaun]- saya rasa okay *je* [sahaja]- boleh *je* [juga] jawab soalan. Cuma *diorang lack of confidence* [mereka kurang keyakinan] *je* [sahaja]. *You can speak English but lack of confidence* [awak boleh bercakap English tetapi kurang keyakinan]- *nak* [hendak] kata *fluent* [fasih]- *you* [awak] *nak* [mahu] *fluent* [fasih] macam mana kan. Orang Jepun dia *tak* [tidak] pandai Bahasa Inggeris pun dia boleh datang *je* [juga] kerja *kat* [di] Malaysia. Adik saya kata kan- adik saya *tu* [itu] dia buat kontrak dengan Samsung baru *ni* [ini] yang bongsu *tu* [itu] kan. Bila_ _ tanya- saya adik-beradik saya semua kerja sendiri tapi dia ambil tender [tawaran] buat kontrak untuk buat *installation* [pemasangan] untuk Samsung yang baru *dekat* [di] Seremban, Negeri Sembilan *tu* [itu] kan. Dia kata Korea *tu- engineer* [jurutera] *kat* [di] *company* [syarikat] *tu* [itu] dia kata- lagi teruk English dia daripada dia yang mengaji biasa-biasa *je ni* [sahaja ini] kan. Jadi *nak* [hendak] bagi tahunya bukannya- kita *nak* [mahu] *fluent* [fasih] *setara* [taraf] mana- *tak kan* [tidak akan] kita *nak* [mahu] *fluent* [fasih] *setara* [taraf] *mat saleh* [orang asing]. Sebab *tu* [itu] saya kata macam propaganda *je* [sahaja] kata budak- budak Melayu *ni* [ini] *tak fluent* [tidak fasih]. Sebenarnya saya rasa

budak Melayu bukan *tak fluent* [tidak fasih] tapi *they are lack of confident to use the language* [mereka kurang keyakinan untuk menggunakan bahasa tersebut] (sambil berdehem).

MSEM : Apakah penilaian puan terhadap bahasa Inggeris para mahasiswa/siswi UiTM [Universiti Teknologi Mara] jika di bandingkan dengan universiti-universiti yang lain?

PMNHAM : Susah *nak* [hendak] cakap la sebab kita *nak* [hendak] kata Melayu dengan Melayu ke atau pun Melayu dengan Cina dengan India. Sebab kalau kita kata Melayu dengan Cina dengan India mungkin kita rasa macam saya sebut tadi lah India dari segi penguasaan_ adalah tinggi. *Lepas tu* [selepas itu] *keduanya* [ke-2] *Chinese* [orang Cina] dan *ketiga* [ke-3] Melayu. Tapi sebenarnya saya rasa Melayu dengan *Chinese* [orang Cina] *ni* [ini] sama *je* [sahaja] *level* [taraf] dia. Cuma yang membezakan ialah *confident* [keyakinan]. *Confident* [keyakinan] kan sebab kalau saya *interview* [temuramah]- pernah saya *interview* [temuramah] budak-budak *ni* [ini]- Cindia kan- Cina India- *mak bapak* [ibu bapa]- Cindia kita panggil kan. Dengan- *nak* [hendak] mengajar Inggeris *ni* [ini], *graduate Malay- Malay graduate* [graduan Melayu]- *better Malay graduate* [lebih baik graduan Melayu] pun. Siapa kata yang *they are better* [mereka lebih baik]. *So* [jadi] kita *tak* [tidak] boleh buat- *satu* [1] orang kata macam perbandingan macam_ kita kena tengok okay. Tengok- memang kalau kita tengok universiti *by* [dengan] universiti la eh- kalau kata saya tengok *by* [antara] universiti *ni still I would say*

graduate [saya masih hendak kata graduan] daripada *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] punya *English better* [English lebih baik]. Orang kata *tak* [tidak] bagus eh *and yet I still think* [tetapi saya masih memikirkan] bila saya- pengalaman saya *interview* [temuduga] lah kan- *I still think our graduate are better* [saya masih berfikiran graduan kita adalah lebih baik]. Sebab majikan- okay kalau kita bandingkan dengan ada beberapa universiti- *ranking* [susunan] kita- saya bagi *ranking* [susunan] kita *better* [lebih baik] *tau* [tahu]. Kita *ni* [ini]_ _lah. Orang kata *number one* [nombor .1] *USM* [Universiti Sains Malaysia]- *pas tu* [selepas itu] *UM* [Universiti Malaya], *UPM* [Universiti Putra Malaysia]- kita *ni* [ini] *a par* [setaraf] *tau* [tahu] dengan *diorang* [mereka] *ni* [ini]. Saya rasa budak-budak kita *ni* [ini] *a par* [setaraf] *je* [juga] dengan *UTM* [Universiti Teknologi Malaysia], *UM* [Universiti Malaya]- *UPM* [Universiti Putra Malaysia] dengan *USM* [Universiti Sains Malaysia] *ni* [ini]. *Graduate* [graduan] kita *if you compare Malay graduate* [jika awak bandingkan graduan Melayu] la- sebab bila orang kata--- sebab saya kena *interview* [temuduga] untuk *business_ lecturer* [pensyarah_ perniagaan] yang seorang Professor lagi dia *interview* [temuduga] dengan saya dia kata- tengok- dia kata budak kita lagi *better* [lebih baik] apa. *You see* [awak tengok]- *so you* [jadi awak] *nak* [hendak] kira dari segi apa- *nak compare* [bandingkan] dengan *Chinese* [orang Cina] India ke macam *tu* [itu]- sebab *tu* [itu] kadang-kadang saya rasa macam propaganda *aje* [sahaja] untuk- jatuhkan imej budak-budak Melayu *ni* [ini]- sebab budak-budak Melayu *ni*

[ini] *bila* [apabila] *if given the choice* [jika diberi pilihan] *diorang* [mereka] akan cakap *je* [juga] Melayu *ni* [ini]- eh Inggeris *ni* [ini]. Dapat *tu* [itu] cakap *je* [juga] kan. Jadi *takkan* [tidak akan] *you nak down* [awak hendak jatuhkan]_ *yourself* [diri awak]- *you* [awak] *nak* [mahu] kerja *tu* [itu] mesti *you* [awak] cakap (sambil berdehem).

MSEM : Apakah kunci kejayaan mahupun cara untuk para pelajar terutamanya untuk fasih dan dapat menguasai Bahasa Inggeris dengan cekap?

